



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TOKOH SAYYIDATINA KHADIJAH KHUWAILID  
PUAN ZARINAH BINTI MD ZAIN

OLEH:

NUR SYAFIQAH BINTI MD HASSAN	2019704515
NOOR SYAHIRAH BINTI CHE MANSOR	2020143929

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2021 – OKT 2021)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN ZARINAH BINTI MD ZAIN  
USAHAWAN SOS PENCICAH UMMIE

OLEH:

NUR SYAFIQAH BINTI MD HASSAN	2019704515
NOOR SYAHIRAH BINTI CHE MANSOR	2020143929

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2021 – OKT 2021)

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	i
PENGHARGAAN.....	iii
SENARAI ABREVIASI.....	v
BIODATA PENEMUBUAL.....	vii
1. PENEMUBUAL PERTAMA.....	vii
2. PENEMUBUAL KEDUA.....	viii
BIODATA TOKOH.....	ix
1.0 PENGENALAN.....	xi
2.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH.....	1
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH.....	1
BAHAGIAN B : SEJARAH PENDIDIKAN AWAL.....	5
BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL.....	23
BAHAGIAN D PERNIAGAAN.....	25
BAHAGIAN E: SUMBANGAN.....	47
BAHAGIAN F: HARAPAN.....	53
3.0 BIBLIOGRAFI.....	61
4.0 LAMPIRAN.....	63
4.1 LOG WAWANCARA.....	63
4.2 DIARI KAJIAN.....	73
4.3 SENARAI SOALAN.....	76
4.3.1 SET 1.....	76
4.3.2 SET 2.....	84
4.4 SURAT PERJANJIAN.....	96
4.5 GAMBAR.....	98
4.6 SIJIL PENGHARGAAN.....	101
4.7 INDEKS.....	109

# **ABSTRAK**

## ABSTRACT

*This article tells about the successful entrepreneur, Puan Zarinah Binti Md Zain who is 62 years old and won the Sayyidatina Khadijah Khuwailid award in 2019. Puan Zarinah Binti Md Zain received the award in conjunction with the annual program introduced by the Kelantan government to celebrate, recognizing the role and contribution of women in development in the state. The program was organized by the Kelantan State Secretariat for Welfare, Family Development, and Women the year 2019. In the aftermath of this pandemic, all sectors are experiencing a downturn especially the business sector. In this article, this successful entrepreneur shares his experience in running a business in the aftermath of this pandemic. The purpose of writing this article is to make a source of inspiration, useful tips to the community out there who want to venture into business. The study was conducted with a live interview session using the Google Meet application. As a result of this interview, we get a variety of interesting information about himself starting from his personal background, educational history, early career, business, contributions that have been given, and his expectations.*

### Keywords

Business, Entrepreneur, Figure Sayyidatina Khadijah Khuwailid, Sos Pencicah Ummi, Interview

## ABSTRAK

### **Abstrak**

*Artikel ini menceritakan tentang kisah usahawan yang berjaya iaitu Puan Zarinah Binti Md Zain yang berusia 62 tahun dan berjaya merangkul anugerah tokoh sayyidatina khadijah khuwailid pada tahun 2019. Puan zarinah Binti Md Zain menerima anugerah tersebut semperna program tahunan yang diperkenalkan oleh kerajaan Kelantan itu bagi meraikan, mengiktiraf peranan serta sumbangan wanita dalam pembangunan di negeri tersebut. Program ini dianjurkan oleh Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan. Beliau juga berjaya merangkul anugerah tersebut atas kejayaan beliau dalam menjalankan perniagaannya iaitu sos pencicah ummi dan juga sumbangan dan khidmat bakti beliau yang telah dicurahkan sehinggakan beliau dinobatkan anugerah tokoh sayyidatina khadijah khuwailid pada tahun 2019. Di pasca pandemik ini semua sektor sedang mengalami kemerosotan terutama sekali sektor perniagaan. Di dalam artikel ini usahawan berjaya ini berkongsikan pengalaman beliau dalam menjalankan perniagaan di pasca pandemik ini. Tujuan penulisan artikel ini adalah untuk menjadikan sumber inspirasi, tips-tips yang berguna kepada masyarakat diluar sana yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Kajian ini dijalankan dengan sesi menemubual secara lansung dengan menggunakan aplikasi Google Meet. Hasil temubual ini kami mendapatkan pelbagai maklumat yang menarik berkenaan tentang diri beliau bermula dari latar belakang diri, sejarah pendidikan, kerjaya awal, perniagaan, sumbangan yang telah diberikan, dan harapan beliau.*

### **KATA KUNCI**

Perniagaan, Usahawan, Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid, Sos Pencicah Ummi, Wawancara

# PENGHARGAAN



## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Pertama sekali kami ingin mengambil kesempatan ini kepada Allah S.W.T kerana berkatNya kami dapat menyelesaikan tugas ini. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang menyiapkan tugas ini. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada pensyarah kami, Puan Nurulanissa Binti Abdullah yang banyak memberi tunjuk ajar dan atas nasihat, bimbingan dan sokongan yang diberikan untuk kami sepanjang proses menyiapkan laporan. Terima kasih atas segala tunjuk ajar dan pengetahuan dan maklumat yang berkaitan laporan ini. Terima kasih juga kerana mengajar dan memberi nasihat semasa sesi kelas.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan sekelas kami atas kerjasama mereka dalam proses menyiapkan tugas ini. Jutaan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang sentiasa memberi sokongan kepada kami sepanjang menyiapkan tugas ini. Kami tidak akan dapat menyelesaikan laporan kami tanpa kasih sayang, dorongan dan sokongan moral mereka yang berterusan.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan dan rakan sekelas kami yang memberi kami bantuan, nasihat, sokongan semasa proses menyiapkan laporan ini. Terima kasih kerana berkongsi pengetahuan dan maklumat mereka dengan kami. Terima kasih.

# **SENARAI ABREVIASI**

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
CGPA	Culmulative Grade Point Average
COD	Cash on delivery
ITM	Institusi Teknologi Mara
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KPP	Ketua Kursus Pengajian
JPK	Jawatan Perwakilan Kolej
LCE	Lowest Certificate English
MARDI	Malaysian Agricultural Research and Development Institute
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MITI	Ministry of International Trade and Industry
ML	Milimeter
OKU	Orang kurang upaya
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PBSM	Persatuan Bulan Sabit Merah
R & D	Research and Development
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
SIRIM	Standard and Industrial Research Institute of Malaysia
SOP	Standard Operating Procedure
SPM	Sijil Penilaian Menengah
UiTM	Univesiti Teknologi Mara
UNIMAP	Universiti Malaysia Perlis

## **BIODATA PENEMUBUAL**

### **1. PENEMUBUAL PERTAMA**



<b>Nama:</b>	<b>Nur Syafiqah binti Md Hassan</b>
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	
<b>Alamat</b>	
<b>No Telefon</b>	
<b>Emel</b>	
<b>Program</b>	

## 2. PENEMUBUAL KEDUA



<b>Nama:</b>	<b>NOOR SYAHIRAH BINTI CHE MANSOR</b>
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	
<b>Alamat</b>	
<b>No Telefon</b>	
<b>Emel</b>	
<b>Program</b>	

## **BIODATA TOKOH**



Nama : Puan Zarinah binti Md Zain

Nama Samaran : Kak Nah dan Ummi

Umur :

Tempat Lahir : Machang, Kelantan.

Tarikh Lahir :

Alamat Rumah : KELANTAN

Nama Suami :

Bilangan Adik-beradik : 12 orang

Bilangan Anak : 6 orang

Taraf Pendidikan : Sekolah Rendah – Sekolah Rendah Hamzah, Machang, Kelantan

Sekolah Menengah- Sekolah Menengah Hamzah, Machang,  
Kelantan.

Diploma – Diploma Pelancongan dan Pentadbiran, UiTM Shah  
Alam, Selangor.

Nombor Telefon :

Email :

Website

Syarikat :

Alamat Syarikat :

No Telefon Pejabat

Produk :

Nama Produk :

## 1.0 PENGENALAN

Wawancara bersama tokoh sayyidatina khadijah khuwailid adalah sebuah wawancara berkenaan dengan usahawan berjaya iaitu Puan Zarinah Binti Md Zain. Puan Zarinah atau lebih mesra disapa ummi yang dilahirkan pada 10 jun 1959 di Machang Kelantan. Usahawan berjaya ini mempunyai 12 orang adik beradik dan beliau merupakan anak sulung. Hasil perkongsian hidup bersama suami tercinta Puan Zarinah dikurniakan 6 orang cahaya mata iaitu dua orang anak perempuan dan empat orang anak lelaki.

Puan Zarinah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Hamzah (1) pada usia 7 tahun sehingga 12 tahun. Pada usia 13 tahun hingga 17 tahun Puan Zarinah bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah (1). Selepas menamatkan pengajian di peringkat sekolah beliau berjaya menyambung pelajar di peringkat diploma di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Sewaktu di universiti Puan Zarinah menyambung dalam jurusan pelancongan kerana beliau suka melancong justeru itu beliau mengambil keputusan untuk menyambung dalam bidang berkenaan.

Selepas beliau menamatkan pengajian di peringkat diploma beliau memulakan kerjaya awal sebagai pembantu pelancongan di sebuah syarikat pelancongan di ibu kota pada usia 21 tahun. Selepas beberapa tahun beliau berkhidmat akhirnya beliau memutuskan untuk berhenti kerja dan pulang ke Kelantan pada tahun 90an.

Selepas beliau pulang ke negeri kelahirannya beliau berhasrat untuk menjalankan perniagaan. Puan Zarinah mendapat inspirasi untuk menjalankan perniagaan sos pencicah ini kerana ibu beliau merupakan seorang peniaga yang menjual keropok dan dari situ Puan Zarinah mendapat inspirasi untuk menjalankan perniagaan sos pencicah. Selain itu, antara sebab utama Puan Zarinah menjalankan perniagaan sos pencicah ini kerana pada ketika sos pencicah tidak dipasarkan seperti sekarang, justeru itu Puan Zarinah mengambil inisiatif untuk menjalankan perniagaan ini.

Pada tahun 1990 Puan Zarinah memulakan perniagaan pertama beliau iaitu beliau memulakan perniagaan dengan menjual kuih raya, menjahit cadar dan juga katering. Antara perniagaan pertama yang masih dijalankan sehingga sekarang adalah perniagaan



katering. Puan Zarinah menjalankan perniagaan kateringnya kerana beliau sering mendapat tempahan untuk majlis kenduri kahwin dan majlis-majlis keraian yang lain. Untuk memulakan perniagaan Puan Zarinah menggunakan modalnya sendiri tanpa meminjam dengan mana-mana skim pinjaman perniagaan. Anggaran modal yang dikeluarkan oleh beliau adalah RM 10,000.00 untuk membeli kelengkapan perniagaannya.

Puan Zarinah mendapat inspirasi untuk menamakan perniagaan sos pencicah ummi kerana beliau beranggapan bahawa ummi merujuk kepada insan pertama di dalam keluarga, disebabkan beliau memilih nama ummi untuk perniagaan beliau. Perniagaan sos pencicah ummi tidak mempunyai sebarang cawangan malah beliau melantik seorang ejen untuk memasarkan produknya di sekitar kawasan Lembah Klang, Melaka dan Negeri Sembilan. Produk perniagaan Puan Zarinah berkembang semakin pesat sehingga beliau berjaya memasuki pasaraya seperti Mydin, Tesco (Latous), Giant serta kedai-kedai runcit yang lain.

Sepanjang beliau berkecimpung di dalam dunia perniagaan sememang pelbagai cabaran yang harus di harungi oleh insan hebat ini. Di tambah pula negara kita sedang dilanda wabak Covid-19 ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap perniagaan malah sektor-sektor lain turut terjejas. Sewaktu wawancara dilakukan beliau memberitahu bahawa di pasca pandemik ini beliau perlu menghadkan bilangan pekerja kerana beliau perlu patuh pada *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Bukan itu sahaja, di pasca pandemik ini juga beliau menggunakan kaedah jualan atasan talian seperti *Shopee* untuk memasarkan produk keluarannya.

## 2.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang dan kejayaan tokoh Sayyidina Khadijah Khuwalid telah menempah nama dalam bidang perniagaan sos pencicah Ummi. Beliau telah menempah kejayaan apabila telah membawa produknya keseluruhan Malaysia. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

F: Nur Syafiqah  
PZ: Puan Zarinah  
S: Noor Syahirah

### Sesi 1:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang perniagaan. Bersama-sama kami ialah Puan Zarinah Binti Md Zain merupakan pemilik Sos Pencicah Ummi. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 20 Jun 2021 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 10 pagi dengan menggunakan aplikasi *Google Meet*. Temubual ini dikendalikan oleh Noor Syahirah Binti Che Mansor dan Nur Syafiqah Binti Md Hassan.

### BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

**F : Terlebih dahulu saya ingin berterima kasih kepada Puan Zarinah Binti Md Zain kerana sudi menerima dan sudi meluangkan masa untuk ditemubual oleh kami. Pertama kali saya ingin bertanyakan kepada puan latar belakang puan dahulu.**

**F : Boleh saya tahu apakah nama penuh puan?**

**PZ : Okay Assalamualaikum nama saya Zarinah Binti Md Zain**

**F : Apakah gelaran puan? Contohnya rakan-rakan, keluarga dan jiran memanggil apa?**

**PZ : Okay jiran panggil dengan gelaran Kak Nah [panggilan Puan Zarinah]tapi setelah kita ada produk semua orang panggil Ummi sekarang.**

**F : Semua orang memanggil Ummi lebih *familiar* [biasa]**

**PZ : Ha ya (senyum).**

**F : Berapakah umur puan sekarang? Pada tahun berapa?**

**PZ : Sekarang saya berumur enam puluh dua tahun [62 tahun ] baru saje[sahaja] sambut *birthday* [hari lahir] hari tu [itu] sepuluh hari bulan enam [10 Jun] (senyum).**

**F : Dimanakah puan dilahirkan?**

**PZ : Saya dilahirkan di Machang [Kelantan].**

**F : Machang [Kelantan] dekat mana, kampung mana?**

**PZ : Machang [Kelantan] dekat ni [ini] belakang Masjid Machang [Kelantan].**

**F : Masjid Besar?**

**PZ : Ya Bandar Besar, Machang [Kelantan].**

**F : Dimanakah puan menetap sekarang?**

**PZ : Saya menetap disini di Machang[Kelantan] jugak [juga].**

**F : Machang[Kelantan] jugak [juga] kawasan masjid itu juga?**

**PZ : Ya dekat dengan rumah mak saya kawasan sama.**

**F : Apakah nama penuh bapa puan?**

**PZ : Bapa saya nama .**

**F : Apakah nama penuh ibu puan?**

- PZ : Ibu saya .
- F : **Jika tidak keberatan bolehkah puan berkongsi bilangan adik beradik dan puan anak keberapa?**
- PZ : Okay saya ni [ini] ada dua belas [12] adik-beradik dan saya yang sulung [anak pertama].
- P : **Berapakah bilangan lelaki dan perempuan adik beradik puan?**
- PZ : Adik beradik saya tiga [3] lelaki sembilan [9] perempuan.
- F : **Jika puan tidak keberatan adakah semua adik beradik puan menceburi bidang perniagaan?**
- PZ : Yang menceburi bidang perniagaan cuma - - (berfikir) tiga [3] orang yang lain semua bekerja.
- F : **Semua lelaki ke perempuan ke?**
- PZ : Dua [2] lelaki dan dua [2] perempuan yang berniaga.
- F : **Siapakah nama penuh suami puan?**
- PZ : Nama penuh suami saya Zahari Zainal Abidin.
- F : **Boleh saya tahu apakah pekerjaan suami puan? Adakah suami puan berniaga bersama puan**
- PZ : Ya dia berniaga bersama saya.
- F : **Okay berapakah bilangan cahaya mata puan?**
- PZ : Saya mempunyai enam [6] cahaya mata dua [2] perempuan empat [4] lelaki.
- F : **Adakah kesemua anak-anak puan menceburi bidang perniagaan?**
- PZ : Tiga [3] yang menceburi perniagaan bukan empat [4] (senyum).
- F : **Bolehkah puan cerita serba sedikit cara puan mendidik anak-anak puan?**
- PZ : Yang tu [itu] daripada kecil [kecil] ke macam mana? mula-mula [peringkat

awal]?

**F : Ya dari mula [peringkat awal].**

**PZ :** Biasa daripada kecik [kecil] tu [itu] bila diorang [anak-anak Puan Zarinah] dah [sudah] tadika dan terus dihantar untuk belajar Al-Quran lepas tu [selepas itu] bila habis darjah enam diorang [anak-anak Puan Zarinah] ada yang pergi asrama , ada yang masuk sekolah agama itu atas kehendak diorang[mereka] yang mintak [minta] masuk sekolah agama tu [itu] dua [2] orang yang masuk sekolah agama yang lain sekolah biasa [sekolah kebangsaan] tiga [3] orang sekolah agama.

**F : Selepas mereka tu [itu] diorang [anak-anak Puan Zarinah] melanjutkan pelajaran ke universiti?**

**PZ :** Ya (angguk) diorang [mereka] dah [sudah] ada yang diploma, *degree* [ijazah] dan seorang anak saya adalah doktor dan dia tengah buat pakar dalam psikologi psikiatrik.

## BAHAGIAN B : SEJARAH PENDIDIKAN AWAL

**S** : Untuk soalan seterusnya saya akan menanyakan [bertanyakan] sejarah pendidikan puan boleh saya tahu bilakah puan mendapatkan pendidikan awal?

**PZ** : Pendidikan awal pada masa Ummi dulu memang kita tak da [tidak ada] (senyum) dulu [dahulu] prasekolah memang tak da [tidak ada] masa [waktu] itu kita *start* [mula] dengan darjah satu [1] terus(senyum).

**S** : Apakah nama sekolah rendah dan menengah puan?

**PZ** : Dulu Ummi belajar dekat *Hamzah Primary School* [Sekolah Rendah Hamzah] darjah satu [1] sampai enam [6]. Kemudian pergi ke *Hamzah Secondary School* [Sekolah Menengah Hamzah] untuk tingkatan satu [1] sampai lima [5].

**S** : Pada tahun bila tu [itu] puan?

**PZ** : Darjah satu [1] pada tahun 60 an [1966 an].

**S** : So [jadi] waktu sekolah tu[itu] puan dekat [berhampiran] rumah puan atau macam mana [bagaimana]?

**PZ** : Ya *walking distance* [jarak jalan kaki] jalan kaki je [sahaja] ke sekolah (senyum).

**S** : Boleh saya tahu pencapaian akademik puan pada peringkat sekolah rendah dan menengah?

**PZ** : Okay masa saya sekolah rendah tu[itu] untuk masa dulu[dahulu] kita ada apa ni [ini] sekarang apa yang darjah enam tu [itu] [Ujian Pencapaian Sekolah Rendah] tapi Ummi masa dahulu tidak dapat pencapaian yang lima (5) A [keputusan] ke apa ke (ketawa) seingat Ummi satu [1] A je [sahaja] ada B, C je [sahaja] [keputusan Puan Zarinah] (senyum).

**S** : So [jadi] masa dulu macam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah [UPSR] memang ada lima [5] subjek macam tu[itu]?

**PZ** : --(berfikir) Ujian Pecapaian Sekolah Rendah [UPSR] ke Penilaian Menengah

Rendah [PMR] ke kita takda [tidak ada] Penilaian Menengah Rendah [PMR] sebab Ummi *Englih Medium* [Inggeris Sederhana] kita ada I.C.F. [*Lowest Certificate Education*], ha yang tu [itu] dia ada berapa - - (berfikir) bukan lima [5] lebih-lebih (angguk) selepas tu[itu] Ummi masuk *science stream* [aliran sains] di sekolah sama Hamzah juga *form 4* [tingkatan 4 ] *form 5* [tingkatan 5 ] *science stream* [aliran sains] dan selepas tu ke Universiti Teknologi Mara [UiTM].

**S : Universiti Teknologi Mara [UiTM].**

PZ : Ya (angguk).

**S : So [jadi] waktu Sijil Penilaian Malaysia [SPM] tu [itu] macam sekarang tak? Maksudnya sekarang berapa A sembilan [9] A [sembilan subjek]?**

PZ: Dulu [dahulu] dia gi [pergi] kotni[dekat sini] dia kira *gred* [nilai] ,*gred* [nilai] satu[1],*gred* [nilai] dua[2] *gred* [nilai] *tiga*[3] macam itu (gerak badan sambil angguk).

**S : Maksudnya setiap *gred* [nilai] tu [itu] dia ada macam *gred* [nilai] satu [1] tu [itu] dapat berapa A macam itu ke?**

PZ : Macam tu [itu].

**S : Ketika dibangku sekolah, adakah puan seorang yang aktif dalam bidang kokurikulum?**

PZ : Kokurikulum Ummi dalam persatuan *Red Crescent John Ambulance* [PBSM].

**S : Maknanya puan *join* [menyertai] persatuan dulu [dahulu] mengenai apa?-(bising) boleh puan ceritakan sedikit?**

PZ : Macam Bulan Sabit Merah ni[ini] masa dulu sekolah bukan semua ada Persatuan Bulan Sabit Merah[PBSM] jadi bila sekolah-sekolah sekeliling [sekitar] Machang [Kelantan] ni[ini] sampai ke Kuala Krai [Kelantan] bila ada sukan ke,ada apa ni [ini] (geleng kepala) aktiviti sukan kitorang[kami] akan dijemput ke sekolah-sekolah lain pergi tolong bagi kecemasan [bantuan kecemasan] untuk yang ambil bahagian tu[itu] .

- S** : **Macam hari sukan semua tu [itu]?**
- PZ : Macam hari sukan (angguk).
- S** : **So [jadi] ada hari sukan je [sahaja] puan akan dijemput?**
- PZ : Ya memang.
- S** : **Puan *join* [menyertai] persatuan tu [itu] daripada - - tingkatan satu [1]?**
- PZ : Dari tingkatan satu [1] sampai lima [5].
- S** : **Selepas puan menamatkan pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia [SPM] dimanakah puan menyambung pelajaran selepas itu?**
- PZ : Saya menyambung apa ni - ke Institusi Teknologi Mara [ITM] Shah Alam, [Selangor] [sekarang dikenali Universiti Teknologi Mara].
- S** : **Pada tahun berapa tu [itu] puan?**
- PZ: : - - (berfikir sambil pejam mata) jap [sekejap] (ketawa) 78 an [1978 an] .
- S** : **Waktu tu [itu] puan mengambil kos apa?**
- PZ : Saya ambil kos *Diploma Tourism and Administration*.
- S** : **Ketika puan dapat melanjutkan pelajaran ke university- - (bunyi kanak-kanak bermain) apakah perasaan ibubapa puan ketika itu gembira ke?**
- PZ : Kita anak sulung [anak pertama] memang ibubapa bangga dan memang *happy* [gembira] sangat-sangat (ketawa).
- S** : **Adakah puan seorang sahaja yang dapat menyambung pelajaran selain adik beradik yang lain?**
- PZ : Ummi yang sulung [anak pertama] Ummi dulu [dahulu] yang buat macam ni [ini] mula-mula [pertama kali ] masuk selepas tu [itu] adik-adik semua.
- S** : **Adik-adik pun semua masuk universiti?**
- PZ : Ya (senyum) semua.



- S** : Sewaktu puan mendapat tawaran tu [itu] adakah ibubapa puan menasihati adik-beradik lain supaya mengikuti jejak langkah puan memasuki universiti macam puan?
- PZ** : Ya memang ada ibu bapa akan bagi perangsang kepada adik –adik yang lain diaorang [ibubapa puan zarinah] masih ada yang sekolah menengah, sekolah rendah Ummi dengan adik yang bongsu kita punya *gap* [jarak umur] sembilan belas tahun [19 tahun] (senyum).
- S** : Mengapakah puan memilih jurusan *tourism* [pelancongan] tu [itu]?
- PZ** : Ha masa dulu [dahulu] bila dah [sudah] baca-baca [membaca] majalah *tourism* [pelancongan] tu [itu] memang macam *tourism* [pelancongan] ada pergi melawat tempat orang memang saya suka melancong (senyum).
- S** : Sebab tu [itu] puan minat?
- PZ** : Ha ya (angguk) ambik [ambil] yang tu [itu].
- S** : Berapa *semester* [penggal] semua sekali puan?
- PZ:** Dia enam [6] *semester* [penggal] *three years* [3 tahun].
- S** : Enam [6] semester [penggal] termasuk dalam latihan industri?
- PZ** : Dengan latihan industri (angguk) sekali.
- S** : Apakah yang menyebabkan puan sendiri untuk nak [mahu] menyambung dalam bidang ini?
- PZ** : Dalam bidang *tourism* [pelancongan]?
- S** : Ha dalam bidang *tourism* [pelancongan].
- PZ** : Minat atas minat sebab ingin tahu tempat orang lain macam mana tentang sejarah-sejarah sebab dalam *tourism* [pelancongan] ni [ini] kita banyak pergi melawat tempat bersejarah dan pergi tengok macam mana [bagaimana] diaorang [mereka] bangunkan tempat tu [itu] macam tu [itu].
- S** : Maksudnya puan suka melancong macam tu [itu]?

- PZ : Ya betul (angguk).
- S : **Bagi puan apakah keistimewaan kos puan ketika itu berbanding kos lain?**
- PZ : Masa dulu (gerak kan badan) sebab nak ambik [ambil] kos lain boleh tapi dah [sudah] kata yang ni [ini] yang sesuai [layak] dengan saya (ketawa) saya ambik [ambil].
- S : **So [jadi] waktu tu [itu] untuk puan melanjutkan pelajaran dalam bidang *tourism* [pelancongan] berapakah kelayakan [syarat] untuk kita sambung dalam bidang tersebut?**
- PZ : Jap [Sekejap] berapa agaknya *three* [3] kredit saya tak [tidak] ingat (ketawa).
- S : **Sewaktu puan sambung belajar adakah puan menerima biasiswa atau Puan meminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional [PTPTN]?**
- PZ : Masa dulu tak ada [tidak ada] Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional [PTPTN] dan masa dulu kalau Institusi Teknologi Mara [ITM] kita punya apa *fees*[yuran] tu[itu] tak mahal sangat.
- S : **Berapa?**
- PZ : Masa dulu [dahulu] dia Ringgit Malaysia Sembilan Puluh [RM90] je [sahaja] satu semester tapi Ummi dapat bayar separuh je [sahaja], *four five* [45] dollars.
- S : **Sebab apa dapat separuh?**
- PZ : Bila kita dapat *Culmulative Grade Point Average* [CGPA] apa ni[ini] *three*[3] *and* [dan] *above*[atas] kita dapat pelepasan.
- S : **So [jadi] maksudnya tidak ada pinjaman?**
- PZ : Tak da[Tidak ada]
- S : **Sepanjang belajar tu [itu] memang tidak ada ambil langsung?**
- PZ : Takda [tidak ada] (ketawa) masa dulu satu semester Ringgit Malaysia empat puluh [RM40] cuma makan dekat hostel [asrama] - masa dulu[dahulu] mana ada

makan-makan sendiri macam sekarang - dulu[dahulu] semua kerajaan tanggung cuma kita bawa duit *pocket*[wang saku] untuk petang-petang nak [mahu] belanja nak beli kuih ke, nak beli air batu[ais ketul] macam tu[itu] je [sahaja].

**S : So [jadi] dia tak sama zaman sekarang?**

PZ : Tak da [tidak ada] (geleng) jauh beza (senyum) - masa dahulu seronok pukul dua belas[12] pergi beratur dekat dewan makan makan apa yang dihidangkan. Sekarang semua kena pergi mencari warung cari kedai makan - masa dahulu tak da [tidak ada] semua beratur dekat dewan makan.

**S : Sangat beruntung puan.**

PZ : Ha memang (ketawa) masa dulu kalau pikir [fikir] balik memang ketika dahulu kita sangat beruntung.

**S : So [jadi] beza dengan zaman sekarang semua kena pakai sendiri.**

PZ : Ya.

**S : Saya nak tanya apakah yang membuatkan puan ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang itu selain minat?**

PZ : Dalam bidang tu [itu]?

**S : Ya.**

PZ: Minat dan satu lagi saya nak bagi contoh untuk adik-adik saya - saya nak [mahu] jugak [juga] dapatkan diploma walaupun kita dah diploma supaya adik saya akan pergi jauh lagi (tangan terangkat) bukan setakat diploma dan saya bersyukur kerna[kerana] adik-adik saya ada tiga [3] orang yang dapat PhD [*Doctor of Philosophy*] ,*master* [Ijazah Sarjana] semua bekerja tiga [3] orang je [sahaja] yang tak [tidak] - mereka berniaga sendiri dan diorang [mereka] pun berjaya.

**S : Yang adik -beradik puan yang sambung [*Doctor of Philosophy*] ,*master* [Ijazah Sarjana] ambil [mengambil] kos apa?**

PZ : - - (berfikir) seorang dalam *Computer Sains* [Sains Komputer] dan seorang lagi

*machinery* [jentera] yang mengajar kat [dekat] UKL [University of Kuala Lumpur [UniKL] ] tu[itu] , yang seorang lagi , apa ya tapi sekarang dia mengajar dekat Riyadh[Arab Saudi].

**S : So [jadi] lecturer [pensyarah] sekarang ni?**

**PZ : Ya betul (angguk).**

**S : Pada waktu [semasa] belajar di kampus itu apakah kos yang ditawarkan di kampus selain kos puan?**

**PZ : Banyak kos dia sama macam sekarang jugak [juga] ada apa ni [ini], *Enginnering* [Kejuruteraan], *Accountacy* [Perakaunan] apa lagi dalam *school* [sekarang dikenali fakulti] saya *School of Hotel Catering* [Fakulti Hotel Pelancongan] tu [itu] ada hotel katering ada apa ni [ini] untuk orang yang belajar makanan asrama dan chef sekali dalam *school* [sekarang dikenali fakulti] kita.**

**S : Pada waktu itu ada berapa kelas yang ada? Contoh macam sekarang kami ada kelas A, B, C, waktu puan berapa ramai?**

**PZ : Masa dulu tak [tidak] banyak kelas cuma satu[1] je [sahaja] kelas untuk *tourism* [pelancongan] dan satu [1] kelas untuk *hotel catering* [katering hotel] satu[1] kelas chef dan satu[1] kelas satu[1] untuk DICM dia panggil masa dulu.**

**S : (angguk).**

**PZ : Belajar untuk makanan institut.**

**S : Seingat puan berapakah bilangan orang dalam kelas puan?**

**PZ : Dalam tiga puluh lapan [38] tak [tidak] silap saya tak [tidak] ramai.**

**S : Boleh tak puan cerita suasana pembelajaran puan *kat* [dekat] sana ?**

**PZ : Suasana belajar nak cakap tak[tidak] seronok memang seronok (ketawa) dan bahasa pengantar kitorang [kami] masa dulu [dahulu] semua *English* [Bahasa Inggeris]**

**S : *English* [Bahasa Inggeris]**

- PZ: : Ya hanya tamadun Islam je [sahaja] melayu [bahasa melayu] selain [yang lain] semua *English* [bahasa inggeris].
- S : **Jadi ketika itu adakah pembelajaran sama macam sekarang ke contohnya sekarang ada fakulti adakah dekat sana pun [juga] sama?**
- PZ : Fakulti tu [itu] kalau masa dulu [dahulu] dipanggil *school* satu [1] *school* kalau Ummi dipanggil *School of Hotel Catering* [Fakulti Hotel Pelancongan] dan daripada *School of Hotel Catering* [Fakulti Hotel Pelancongan] tu [itu] akan dipecahkan menjadi empat [4].
- S : **Apakah ada perbezaan pada zaman dahulu pun dan sekarang contohnya *facility* [kemudahan] dahulu ada sekarang dah [sudah] tiada?**
- PZ : *Facility* [kemudahan] tu [itu] kalau dulu kita ada yang dapat biasiswa ada yang dapat pelepasan tapi sekarang semua ni [ini] ditawarkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional [PTPTN]?
- S : **Ha.**
- PZ : Ada yang dapat *loan* [pinjaman] daripada Majlis Amanah Rakyat [MARA] - kalau dulu takda [tidak ada] kalau dulu tawarkan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam [JPA] akan bagi biasiswa kalau dulu [dahulu] kita ada dewan makan beroperasi sekarang mana ada semua kena beli tu [itu] yang lain dulu [dahulu] dan sekarang.
- S : **Jadi suasana dekat sana contohnya *hostel* [asrama] dan fakulti tu [itu] jarak jauh ke tak? Kafe semua sekali macam mana?**
- PZ : Semua itu dewan makan tu [itu] kita punya dalam asrama katakan asrama kita asrama satu [1], dua [2], tiga [3] , empat [4] kita ada dewan masing-masing -jadi orang yang duduk asrama satu [1] dia makan dekat dewan makan satu [1], dewan makan dua dekat dua, dewan makan tiga [3] dekat tiga [3], dewan makan empat [4] dekat empat [4] macam tu [itu] .
- S : **Jadi maksudnya dekat je [sahaj] ada *break* [rehat] waktu kelas masa rehat ke boleh kita pergi?**

- PZ : Boleh (angguk) dan banyak kafe-kafe disekeliling [disekitar] itu dekat je [sahaja].
- S : **Jadi kafe-kafe dekat situ [di situ] adakah dapat percuma juga ataupun ditanggung kerajaan?**
- PZ : Tidak kalau kafe tu [itu] kita memang kena bayar sendiri.
- S : **So [Jadi] banyak makanan-makanan dijual?**
- PZ : Banyak kalau malam kalau selepas kita belajar atau pergi perpustakaan selepas tu pergi melencong [bersiar-siar] dekat kedai-kedai mamak (ketawa).
- S : **Kiranya kampus puan besar jugak[juga]?**
- PZ: : Besar dia induk Shah Alam [Selangor] ni [ini] induk yang paling besar masa dulu [dahulu].
- S : **Sepanjang puan belajar dekat Universiti Teknologi Mara [UiTM] Shah Alam [Selangor] adakah puan menetap di kolej kediaman ataupun rumah sewa?**
- PZ : Dekat kolej dekat asrama.
- S : **Boleh saya tanya [bertanya] puan masa puan duk [duduk] dekat asrama adakah dikenakan sebarang bayaran apa-apa ke?**
- PZ : Tak ada [tidak ada] semua *free* [percuma] (ketawa besar), *best* [terbaik] sangat-sangat *uolss*[awak] semua rugi(ketawa besar).
- S : **Banyak yang kena bayar**
- PZ : Ha ya.
- S : **Ketika zaman puan berapa kolej yang ada ketika itu?**
- PZ : Empat [4] lima [5] semua lima [5] kolej kediaman termasuk lelaki.
- S : **So [Jadi] waktu *tu* [itu] orang kata *enviroment* [persekitaran] suasana waktu kolej tu [itu] *satu* [1] bilik tu [itu] ada berapa orang?**

- PZ : Jap [sekejap] empat [4] – (berfikir) lapan [8] orang *so* [jadi] masa kita *first* [pertama], *second* [kedua] sampai empat[4] semester kita duk [duduk] lapan[8] orang tu[itu] - bila dah [sudah] masuk semester lima [5], enam [6] tu [itu] kita boleh dapat satu[1] bilik sorang, dua[2] bilik seorang, dua[2]orang sebilik (ketawa).
- S : **Waktu puan duduk tu [itu] adakah rakan sebilik puan tu [itu] satu kos dengan puan ataupun tak [tidak]?**
- PZ : Kalau dapat kos lain pun dia [pihak asrama] akan tukar (ketawa) senang kita nak belajar kalau duduk kos lain-lain susah.
- S : **Susah nak buat *discussion* [perbincangan].**
- PZ : Memang lepas tu [itu] akan tukar kalau kena dengan - - kalau katalah orang budak-budak hotel catering kena dengan budak *engineering* [kejuruteraan] (geleng kepala) akan tukar tak [tidak] boleh duduk.
- S : **Dia [pihak asrama] letak sekali?**
- PZ: : Ada letak sekali tapi kita akan mintak [minta] tukar suka sama suka.
- S : **Adakah puan masih ingat rakan sebilik puan dan adakah puan masih menghubungi mereka sampai sekarang?**
- PZ : Ya Alhamdulillah sekarang kita ada *wasap group* (*WhatsApps group*) tu [itu] dan kita aktif dalam wasap [WhatsApps] tu [itu] sampai sekarang (senyum).
- S : **Masih *contact* [hubungi] mereka?**
- PZ : Ya masih *contact* [hubungan] dan masih jump jumpa di alam maya macam ni [ini].
- S : **Rakan sebilik puan orang mana? Adakah orang Kelantan ataupun KL [Kuala Lumpur].**
- PZ : Ada orang Terengganu, Kelantan, ada Perak, ada Kedah, ada Melaka, KL [Kuala Lumpur] seorang.

- S** : **So**[Jadi] maksudnya suasana dekat kolej tu sangat *best*[seronok]?
- PZ** : Sangat *best* [seronok] memang *best* [seronok] sangat-sangat(ketawa).
- S** : **Boleh tak puan ceritakan peristiwa yang puan tidak dapat lupakan ketika puan duduk dengan rakan sehilik puan dan benda tu [itu] puan ingat sampai bila?**
- PZ** : Ha itu *time* [masa] makan masa bulan puasa pukul dua belas [12] kena pergi sahur masa tu[itu] memang tak tido[tidak tidur] kalau sape [siapa] tido[tidur] kena tidur-tidur ayam [tidur tidak nyenyak] je [sahaja] sebab tunggu pukul dua belas(12) kena pergi beratur makan lepas tu [selepas itu] tidur balik sampai solat subuh.
- S** : **Kiranya *start* [mula] makan tu [itu] pukul dua belas [12]?**
- PZ** : Pukul dua belas[12] sampai pukul tiga[3].
- S** : **Boleh tak puan kongsikan pengalaman puan ketika di kolej kediaman? Contohnya puan aktif sekarang ni [ini] kami ada jawatan perwakilan kolej *so* [jadi] macam puan dulu ada tak [tidak]?**
- PZ** : Memang ada perwakilan kolej dan masa dulu[dahulu] kita perwakilan kolej kita tolong kat [dekat] dewan makan setiap hari jumaat supaya semua laki [lelaki] boleh pergi solat jumaat masa tu [masa itu] kita akan tolong bertugas.
- S** : **So** [Jadi] maksudnya satu kolej kediaman akan *handle* [bertugas] satu kolej kediaman *tu* [itu] sahaja?
- PZ:** : Ya (angguk).
- S** : **Jadi kiranya ramai?**
- PZ** : Satu [1] kolej kita pilih untuk empat [4] orang dia ada A,B,C ataupun tiga[3] orang dan kolej lain satu [1] dua [2] tu [itu] diaorang [meraka] ada *own* (sendiri) AJK [Ahli Jawatan kuasa] .



- S** : **So [jadi] maksudnya yang masak untuk *student* [pelajar] tu[itu] adalah orang luar jugak [juga]?**
- PZ** : Tak [tidak] yang tu [itu] kita tolong *serve* [hidang] je [sahaja] diorang[mereka] masak pagi lepas tu [selepas itu] waktu jumaat masa tu [itu] yang laki [lelaki] boleh pergi solat.
- S** : **Kalau hari lain hari kelas macam mana?**
- PZ** : Hari kelas tak da [tidak ada] tapi yang kita dapat keistimewaan- masa tu[itu] dulu duduk ni [ini] jauh lapar selalu Ummi pergi selepas *breakfast* [sarapan] tu [itu] dalam pukul sembilan [9] - dalam lapan tiga puluh pagi [8.30 pagi] tu [itu] pergi minta roti - nak [mahu] banyak mana roti nak [mahu] kaya, nak [mahu] jem , marjerin semua taruh [letak] dalam dalam botol besar bawak [bawa] balik bilik dan jamu dengan kawan-kawan (ketawa).
- S** : **Menarik cerita.**
- PZ** : Ya memang menarik (ketawa).
- S** : **So[jadi] maksudnya kalau contohnya hari bukan hari cuti - - -**
- PZ** : Ha ya.
- S** : **Puan selalunya diorang [mereka] *serve*[hidang] makanan macam mana. Maksudnya berapa kali sehari.**
- PZ** : Kita tiga [3] kali sehari pagi *breakfast* [sarapan], tengahari *lunch* [makan tengahari] dengan *dinner* [makan malam] dari pukul enam [6] sampai lapan[8].
- S** : **Kalau *breakfast* [sarapan] makan nasi lemak semua macam tu[itu]?**
- PZ** : Ada semua macam-macam.
- S** : **Sepanjang bergelar mahasiswa belajar Diploma Pentadbiran Pelancongan peristiwa apa yang puan tidak dapat dilupakan ?**
- PZ:** : Yang masa dulu aktif dalam lupalah nama peraturan tu [itu] tapi kita akan pergi setiap *school* [fakulti] kita akan pergi bagi motivasi siapa yang perlukan kita

punya motivasi tapi kita akan buat kelas - semua apa ni [ini] semua fakulti kita akan pergi kita tengok hari-hari apa katakan minggu ni [ini] fakulti satu [1], fakulti dua [2], minggu depan fakulti lain, dan kita ada ramai yang pergi yang ada masalah yang pergi cerita-cerita macam kaunseling pun macam tu[itu].

**S : So[Jadi] maksudnya program yang puan adakah berkolaborasi dengan bersama unit kaunseling ataupun tak[tidak]?**

PZ : Ha ada.

**S : So [Jadi] adakah persatuan puan join[menyertai] tu [itu] dalam kampus sahaja atau ada diluar kampus juga?**

PZ : Dia ada kalau kita ada nak ikut luar kampus pun boleh tapi Ummi masa dulu macam *parents* [ibubapa] tak [tidak] galakkan untuk pergi ke luar tu[itu] cuma kita buat dalam kampus je[sahaja].

**S : So [Jadi] waktu puan join[mengikuti] program tu [itu] apa lagi program persatuan puan adakah contohnya seperti puan bagitahu tadi adakah motivasi kepada setiap fakulti selain program tu[itu] apa lagi?**

PZ : Ada program kita buat untuk kelas pulak [pula] - katakan untuk kelas *tourism* [pelancongan] kita akan kutip dana untuk kita buat program nak [mahu] pergi melancong kemana-mana dan kita *collect* [kutip] dana tu [itu] dengan berniaga masa dekat kampus setiap petang kita akan pergi beli dengan mak cik ni[ini] donut ke, kari pap ke dan kita jual ke asrama pergi ketuk setiap bilik tu [itu] sape [siapa] nak [mahu] beli donut, sape [siapa] nak [mahu] beli kari pap (ketawa) haaa macam tu [itu] hari-hari.

**S : Hari-hari macam tu [itu]?**

PZ : Ya hari-hari.

**S : Untuk jana pendapatan persatuan?**

PZ : Untuk jana pendapatan kelas untuk kita pergi lawatan mana-mana kita pakai duit tu[itu].

- S : Jadi seingat puan setiap petang berapa keuntungan puan dapat?**
- PZ : Masa dulu ringgit malaysia lima puluh [RM50] besar, seingat ringgit malaysia lima puluh [RM50] - masa dulu besar sebab kalau kuih tu [itu] berapa sen sebiji tiga puluh sen [RM 0.30 sen] je [sahaja] sebiji dan kadang tu[itu] kitorang[kami] pergi pasar Klang [selangor] tu [itu] pergi beli buah-buah dan kita buat rojak buah ada jugak [juga] kita buat macam tu [itu].
- S : So [Jadi] kiranya gotong-royong?**
- PZ : Ya gotong-royong, semua orang kena *participate* [mengambil bahagian] tak [tidak] kira laki[lelaki], puan[perempuan], orang kaya, orang miskin kena semua (ketawa).
- S : Ketika itu puan memegang jawatan sebagai apa?**
- PZ : Saya dua [2] tahun pegang jawatan presiden kelas.
- S : So [Jadi] sewaktu puan jadi [memegang] jawatan presiden tu [itu] apakah menyebabkan puan rasa layak untuk memegang jawatan presiden.**
- PZ : (ketawa) kita bukan layak kita dipilih.
- S : Dihil, so [jadi] maksudnya macam diundi?**
- PZ : Ya
- S : Ketika puan menjadi presiden? Apakah cabaran puan sebagai presiden?**
- PZ : Masa tu [itu] ingat tahun tu [itu] kita ada hari graduasi kita ada gerai jual dan kita dipaksa ambil satu gerai dan buka gerai tu [itu] untuk jual makanan - masa tu [itu] musim hujan dan pagi-pagi malam kena ada orang jaga so[jadi] *boys* [lelaki] yang kena jaga. Pagi Ummy sebagai presiden ni [ini] akan pergi kejutkan diorang [mereka] dan kita tunggu barang untuk cuci ke apa - itu cabaran yang tidak dapat dilupakan kena jalan sorang-sorang lepas subuh pergi kejut budak-budak yang kena tunggu dekat gerai tu (ketawa).
- S : So[jadi] berapa lama event[majlis] itu?**
- PZ : *Event* [majlis] tu[itu] seminggu je[sahaja].

- S** : **Seminggu so [jadi] selama seminggu tu [itu] kena berniaga buka gerai?**
- PZ** : Ya
- S** : **Waktu tu [itu] jual apa jual makanan juga lah?**
- PZ** : Ha ya makanan.
- S** : **Saya nak tanya siapakah nama ketua kursus puan (KPP)?**
- PZ** : Ha ketua kursus En Muhamad bin apa saya tak [tidak] ingat (ketawa).
- S** : **Dah [sudah] lama.**
- PZ** : Memang dah [sudah] lama lupa dah[sudah].
- S** : **Boleh saya tanya, En Muhamad punya *character* [perwatakan] tu [itu] macam mana adakah dia seorang pensyarah baik ke macam mana?**
- PZ:** Dia baik dan tegas.
- S** : **Adakah dia pernah mengajar puan?**
- PZ** : Ha dia mengajar *tourism* [pelancongan] tentang apa ada satu mata pelajaran saya lupa apa nama sebab dia mengajar masa *part 1* [bahagian 1] je [sahaja] *lepas tu* [selepas tu] dia tak [tidak] mengajar.
- S** : **Boleh tidak puan kongsi nama-nama pensyarah yang pernah mengajar puan dari semester satu [1] sampai semester akhir?**
- PZ** : Yang itu tak [tidak] ingat tapi seorang tu[itu] ingat tak [tidak] ingat tapi dia *mister*[tuan] (betukan badan) yang mengajar ekonomi tapi ekonomi dia kalau yang ingat tu [itu] sebabnya kena (buat gaya dengan tangan) buku tu [itu] “Kalau *you*[awak] dapat jawab soalan sama dalam buku tu[itu] *you* [awak] akan dapat markah penuh” , semua duk[duduk] hafal je [sahaja] tak [tidak] payah faham hafal je[sahaja] jawab sama dengan buku tu [itu] haaa dapat A untuk ekonomi.
- S** : ***So*[jadi] macam ekonomi [subjek ekonomi] tu [itu] belajar setiap semester ke macam mana?**

- PZ : Tak [tidak] dia dua [2] semester je [sahaja].
- S : **Dua [2] semester je [sahaja] puan ingat tak [tidak] puan dapat berapa ketika tu [itu]?**
- PZ : Saya dapat tujuh puluh lima [75] plus [markah]. Saya ni [ini] bukan kuat menghafal pun (ketawa).
- S : **Siapakah pensyarah yang puan idolakan?**
- PZ : - - ( berfikir ) ada seorang tu [itu] nama apa tah [tidak] ingat dia *Chinese* [berbangsa cina] yang mengajar *business math* [business mathematics] saya suka dia.
- S : **Sebab apa puan menyukai dia?**
- PZ : Dia *cool* [tenang] dan saya mudah faham dan selalu dapat A dalam dia punya (senyum) subjek (gelak).
- S : **So[Jadi] selain *business math*, dia mengajar apa lagi dalam tu[itu]?**
- PZ : Dia tak da [tidak ada] *business math* [business mathematics] dia macam kita belajar tentang statistik yang tu [itu] dan saya suka (ketawa).
- S : **(ketawa) Apakah kaedah pembelajaran yang digunakan zaman puan?**
- PZ : Kaedah tu macam mana?
- S : **Contohnya zaman kami banyak menggunakan *slide* [slaid], *projecter* [projektor], so[jadi] adakah zaman puan bergantung kepada buku semata-mata ataupun - - -**
- PZ : Tak [tidak] kita ada juga *slide* [slaid] (angguk) kita ada juga *projecter* [projektor] dan kalau macam *business math* [business mathematics] memang tak da [tidak ada] buku pun dia datang bagi apa ni [ini] kertas kerja je[sahaja].
- S : So waktu tu[itu] akan masuk makmal ataupun duduk dalam kelas je [sahaja]?
- PZ : Dalam kelas je [sahaja] cuma makmal kita masuk untuk *foreign language* [bahasa asing] je[sahaja].

- S** : (angguk) *so* [jadi] waktu tu [itu] semua subjek ke macam mana ?
- PZ** : Dia subjek dia macam kita duk [duduk] kelas biasa je [sahaja] *lecturer* [pensyarah] datang dia masuk je[sahaja] kelas kita ataupun bila kena *mix* [campur] kelas tu [itu] kita pergi duduk kat [dekat] dewan besar.
- S** : Ingatkan macam belajar buku semata-mata.
- PZ** : Tak-tak [bukan-bukan] ada buku ada yang tak [tidak] ada buku memang kita pergi ambik [ambil] yang *lecturer* [penyarah] bagi je [sahaja].
- S** : ***So* [jadi] waktu pensyarah bagi buku contoh kena beli buku ke adakah buku juga ditanggung kerajaan atau sendiri?**
- PZ** : Tak-tak [bukan-bukan] memang kita tak [tidak] beli buku cuma pergi *library* [perpustakaan] je [sahaja] pergi *library* [perpustakaan] cari *past year* [tahun lepas] punya *question* [soalan] ke jawapan ke semua *senior-senior* buat kita pergi belajar yang tu [itu] je [sahaja].
- S** : **Memang tak da [tidak ada] kena beli buku?**
- PZ** : Tak da [tidak ada] nak [mahu] beli buku tu [itu] buku ni [ini] tak ada [tidak ada].
- S** : **Semua boleh ambil dekat *library* [perpustakaan] je[sahaja]?**
- PZ** : Ya cuma kita beli kertas je [sahaja] dengan pen pencil itu je [saja] yang dia tak [tidak] bagi yang lain memang semua memang *free*[percuma].
- S** : ***So* [jadi] waktu tu[itu] ada juga *stationery* [alat tulis] tempat kita beli barang-barang?**
- PZ** : Haa ada-ada, kita ada *Koop* [koperasi].
- S** : **Koop maksudnya duduk dekat —**
- PZ** : Dalam bangunan ni [ini] bangunan kita belajar.
- S** : **Bangunan kita belajar *so*[jadi] dia ikut waktu operasi *office hour* [waktu pejabat]?**

PZ : Ya *office hour*[waktu pejabat].

S : Kalau malam tak da [tiada]?

PZ : Ya tak da [tiada].

## BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL

**F : Apakah pekerjaan pertama puan sebelum berkecimpung dalam dunia perniagaan?**

PZ : Masa dulu selepas je [sahaja] apa ni [ini] selepas tamat belajar tu [itu] saya bekerja dengan syarikat - - (berfikir) syarikat pelancongan di KL [Kuala Lumpur].

**F : Masa tu [itu] jawatan puan sebagai apa?**

PZ : Saya sebagai penolong kepada tulah [itu] tentang *tour* [lawatan] sebab dalam ada *Tour dan Packaging* dan saya bahagian *tour* [lawatan].

**F : Bolehkah saya tahun berapakah umur puan mula berkerja?**

PZ : Saya mula bekerja pada umur dua puluh satu tahun [21 tahun].

**F : Puan hanya bekerja untuk syarikat tu [itu] saje [sahaja] atau ada syarikat lain sebeum berkecimpung dalam perniagaan?**

PZ : Tak da [tidak ada] (ketawa) syarikat tu [itu] je [sahaja] saya bekerja selama setahun lebih tapi setelah berkahwin saya terus berhenti sampai sekarang (ketawa).

**F : Apakah pengalaman yang puan tidak dapat lupakan sepanjang bekerja dalam syarikat tu [itu]?**

PZ : Tu [itu] sebab sekejap sangat setahun lebih je [sahaja] tak ada [tidak ada] apa macam rutin biasa je [sahaja] kat [dekat] situ.

**F : Dimanakan puan bekerja ketika itu?**

PZ : Safari Travel Tour and Packaging dekat dengan Wisma MPI Jalan Raja Sulam, KL [Kuala Lumpur, Malaysia].

**F : Sepanjang puan bekerja disitu, apakah tugas yang mencabar puan lakukan?**

PZ : Mencabar ni [ini] kita dengan pelanggan- kadang-kadang tu [itu] diorang



[mereka] tak [tidak] puas hati dengan apa ni [ini] perkhidmatan daripada syarikat kita kena tenangkan diorang [pelanggan] cakap macam tu [itu] macam ni [ini] untuk fahamkan diorang [pelanggan] . Dia datang jumpa kitalah dan kita kena tenangkan diorang[pelanggan] kadang-kadang itu kenapa saya punya barang jadi macam ni [ini] (gerak badan) macam-macam (ketawa) ataupun tiket diorang [pelanggan] yang nak pergi belajar kenapa ni [ini] yang nak *travel* [melancong] lagi tunggu tiket tak [tidak] dapat lagi kita kena pergi *airlines* [syarikat penerbagan]apa semua macam tu[itu].

**F : Ketika puan bekerja disana adakah puan mengikuti sekali lawatan pelanggan atau ada orang lain yang uruskan?**

**PZ : Yang tu [itu] orang lain kita panggil *salesguide* [panduan jualan]**

**F : Sepanjang puan berkhidmat disitu apakah perkara yang puan tidak dapat lupakan?**

**PZ : Haa yang tu [itu] bergaduh dengan pelanggan (ketawa) semua masing-masing nak cakap diorang [mereka] betul yang tu[itu] susah tu [itu] tu [itu] je [sahaja] pengalaman yang tidak dilupakan.**

**F : Adakah puan berpuas hati sepanjang berkhidmat dalam syarikat tersebut?**

**PZ : Saya berpuas hati tapi saya tak [tidak] boleh kerja lama selepas saya kahwin-tahu saya mengandung saya terus berhenti sebab masa dulu suami saya dia bekerja dekat bas MAPS sampai pukul empat [4] jadi jauh perjalanan saya dari KL[Kuala Lumpur] ke Batang Berjuntai [sekarang dikenali sebagai Bestari Jaya] sekarang ni [ini] dekat dulu [dahulu] memang jauh - dulu [dahulu] naik bas saja dekat dua[2] jam baru sampai tu [itu] saya ambil pendekatan baik berhenti je [sahaja] duduk je[sahaja] kat[dekat] rumah.**

## BAHAGIAN D PERNIAGAAN

**S** : Okay untuk kali ni [ini] saya akan bertanyakan berkenaan dengan perniagaan puan boleh?

**S** : Bagaimanakah puan mendapat inspirasi untuk memulakan perniagaan sos pencicah?

**PZ** : Okay pada awalnya dulu masa awal-awal dulu [pada zaman dahulu] *you all* [awak semua] makan keropok dengan apa?

**S** : : Sos (ketawa).

**PZ** : Dengan sos apa?

**S** : Sos cili (ketawa).

**PZ** : Sos cili kan? Dulu mana ada [zaman dahulu tiada] sos pencicah. Tak ada kalau nak makan sos pencicah pun kita kena buat sendiri kita kena ambik cili tumbuk-tumbuk [buat sendiri] atau pun *blend* [kisar] dan masukan cuka masuk ni [ini] [masuk bahan-bahan yang lain] tak ada yang *ready made* [tidak dijual dipasaran seperti sekarang] punya Ummi [gelaran Puan Zarinah] mendapat inspirasi daripada perniagaan ma [panggilan ibu puan zarinah] ummi dia berniaga keropok dekat pasar - dia berniaga keropok, ikan masin jadi bila dia bawak balik keropok kita [puan zarinah] tak ada apa untuk dicicah dengan cili sos- maka yang tu [itu] terdetik [terinspirasi] macam mana buat ni [ini] kalau ada resepi untuk buat sos ni [ini] lagi bagus yang khusus untuk kita nak cicah keropok.

**S** : Pada tahun bila puan *start* [mula] berniaga mula berniaga tu [itu] ?

**PZ** : Mula buat sos ini ke? Buat sos ini dalam awal akhir 90 an [1990 an] macam tu [itu] 95 an [1995 an] ke macam tu [itu].

**S** : Apakah perniagaan pertama puan sebelum puan jalankan [menjalankan] perniagaan yang sekarang ni [ini]?

**PZ** : Saya buat macam-macam [buat pelbagai perniagaan] selepas saya balik dari KL [Kuala Lumpur] tu [itu] saya buat katering sikit-sikit [kecil-kecilan] saya buat bila bulan puasa saya niaga [berniaga] kuih raya macam-macam dan saya jahit cadar saya jual [menjual].

**S** : **So [jadi] maksudnya waktu tu berapa keuntungan pertama puan?Waktu puan mula berniaga.**

**PZ** : **Jual apa ni [ini]?**

**S** : **Yang puan meniaga—**

**PZ** : **Sebelum meniaga [berniaga] sos pencicah ni [ini] ? Ada macam-macam ada yang tiga puluh *percent* [tiga puluh peratus] dan dua puluh *percent* [dua puluh peratus] dan kalau berniaga makanan tu [itu] boleh pergi [boleh capai] ke lima puluh *percent* [lima puluh peratus].**

**S** : **Boleh tak puan senaraikan antara perniagaan-perniagaan yang puan pernah buat [jalankan] selain daripada sos pencicah ni [ini]?**

**PZ** : **Macam tadi buat katering niaga [berniaga] kuih raya dan buat [Menjahit] cadar.**

**S** : **Pada tahun bila setiap perniagaan yang puan jalankan tu [itu]?**

**PZ** : **Saya mula pada tahun 19-- selepas saya balik dari KL [Kuala Lumpur] balik Kelantan [Malaysia] tahun 1990 an [ 1990 an] macam tu [itu].**

**S** : **So [jadi] buat *business* [perniagaan] katering tu berapa lama agak-agak?**

**PZ** : ***Business* [perniagaan] katering tu [itu] sampai sekarang.**

**S** : **Sampai sekarang?**

**PZ** : **Sampai sekarang**

**S** : **So [jadi] maksudnya puan buat [menjalankan] dua buat *business* [perniagaan] katering dan sos pencicah?.**

**PZ** : **Ya.**

**S** : **Kalau katering tu [itu] pulak [pula] banyak ni [ini] contohnya orang akan ambik tempahan dengan puan macam kenduri kahwin lepastu [selepas itu] tunang [majlis tunang] dan sebagainya.**

**PZ** : **Ya**

**S** : Waktu [semasa] puan mula-mula berniaga adakah puan meminjam dari skim-skim atau puan guna modal sendiri?

**PZ** : Saya guna modal sendiri.

**S** : Waktu mula-mula puan guna modal tu [itu] berapa banyak yang puan perlu keluarkan untuk bina [memulakan] perniagaan ni [ini] ?

**PZ** : Masa dulu tak banyak kalau ada RM 10,000.00, RM 15,000.00 [modal] dah boleh sebab kita tak beli lagi mesin-mesin apa semua barang-barang yang besar-besar cuma kita beli yang kecil-kecil ja [sahaja] masa dulu masa mula-mula berniaga.

**S** : Waktu 90 an [1990 an] tu [itu] kirannya?

**PZ** : Ya

**S** : Dimanakah puan menjalankan perniagaan yang sekarang ni [Ini]?

**PZ** : Sekarang ni [ini] kalau masa dulu kita buat dekat dapur [rumah] ja [sahaja] tapi sekarang sudah ada tempat kilang kecil-kecil

**S** : Kilang kecil-kecil so [jadi] puan ada cawangan tak sekarang ni [ini]?

**PZ** : Cawangan kilang tak ada cuma kita ada *sales man* [ajen] kita ada dekat KL [Kuala Lumpur].

**S** : So [jadi] kirannya *sales man* [ajen] dekat sana memasarkan juga product [produk] puan?

**PZ** : Ha ya

**S** : Dia memasar dekat mana tu [itu]?

**PZ** : Dekat Lembah Klang [Malaysia] dengan sekitar Seremban [Malaysia] Melaka [Malaysia]

**S** : So [jadi] maksudnya masuk pasar raya ke macam mana [bagaimana]?

**PZ** : : Pasar raya pun ada kita [produk sos pencicah ummi] ada Tesco, Mydin, Giant [nama pasaraya] dan dekat kedai-kedai kecil macam Matahari [kedai] pun kita

ada.

**S : Dah [sudah] berapa lama dah berjaya memasuki pasaran pasar raya?**

**PZ : Dah dalam sepuluh tahun ke - ataupun lebih.**

**S : Adakah perniagaan ni [ini] jenis warisan atau puan sendiri punya?**

**PZ : Saya yang mulakan (ketawa)**

**S : So [jadi] untuk cawangan puan tak ada kan? Ada tak perancangan untuk membuka lagi cawangan ke untuk mengembangkan lagi perniagaan puan ?**

**PZ : Mula-mula inggat [terfikir] memang nak buat cawangan tu [itu] tapi kita fikirkan balik dengan nak pergi set [mulakan] yang baru tu [itu] memang susah juga tu [Itu] inggat kita [saya] buat yang ni [ini] biar -- betul-betul baru fikir nak buat cawangan dekat mana-mana. Sekarang ni kita boleh cope [menampung] lagi dengan permintaan tu [Itu].**

**S : So [jadi] permintaan sekarang ni [ini] ada lagi banyak lagi?**

**PZ : Alhamdulillah memang macam biasa lagi [seperti dahulu]**

**S : Berapa bilangan pekerja puan?**

**PZ : Pekerja dalam lima belas orang.**

**S : Lima belas orang termasuk dekat kilang sekali? Pekerja puan adakah puan mengambil pekerja daripada bangsa melayu atau bangsa asing?**

**PZ : Kita pakai melayu [bangsa melayu] semua orang yang berdekatan [penduduk berdekatan]**

**S : So [jadi] kirannya tak ada bangsa asing?**

**PZ : Tak ada cuma kita pakai tiga orang OKU [orang kurang upaya]**

**S : Dia punya skop kerja dia apa?**

**PZ : Dia buat semua [boleh buat semua kerja] sebab dia boleh baca [membaca] cuma dia tak boleh bercakap.**

- S** : **Dia tak boleh bercakap, yang tiga-tiga orang macam tu [itu]?**
- PZ** : Sorang ja [sahaja] macam tu [itu] yang lain tu [itu] macam *slow* [lembap]
- S** : **Dia [pekerja Orang Kurang Upaya] pun buat kerja sama ke?**
- PZ** : Ha sebab dia [pekerja Orang Kurang Upaya] faham.
- S** : **Dah berapa lama dia [pekerja Orang Kurang Upaya] berkerja dengan puan?**
- PZ** : Ada dalam lima enam tahun dah [sudah].
- S** : **So [jadi] sepanjang dia bekerja adakah puan berpuas hati dengan hasil kerja?**
- PZ** : Memang OKU [Orang Kurang Upaya] ni [ini] kerja memang bagus kadang tengok *mood* [emosi] dia [pekerja Orang Kurang Upaya] juga kalau *mood* [emosi] dia rajin elok. Tapi banyaknya *mood* [emosi] dia elok.
- S** : **Adakah pekerja puan yang puan cakapkan tadi tu [Itu] pekerja yang OKU [Orang Kurang Upaya] tu [Itu] orang disekitar kilang puan atau pun macam mana [bagaimana]?**
- PZ** : Ya orang sekitar.
- S** : **So [jadi] pekerja puan yang lima belas orang tu semua orang *local* [penduduk tempatan] ?**
- PZ** : Ha orang *local* [penduduk tempatan].
- S** : **Maksudnya orang Kelantan [Malaysia] sendiri [penduduk] tak ada orang luar?**
- PZ** : Ha ya orang yang dikeliling kilang [penduduk disekitar kilang].
- S** : **Setelah beberapa tahun puan menjalankan perniagaan ada tak mengalami sebarang kesukaran ke atau mengalami sebarang masalah sepanjang menjalankan perniagaan ni [ini]?**
- PZ** : Setakat ni [ini] tak besar sangat masalah tu [itu], masalah yang kita boleh atasi

tak ada yang besar-besar sangat tapi sekarang ni [ini] bila musim *Covid* [*corona virus*] *start* [*bermula*] tahun 2000 [2020] tu [itu] okay tapi tahun ni [ini] nampak macam *slow* [berkurang] sikit sebab kita pergerakan tak boleh rentas daerah jadi tempat-tempat berniaga pun memang semua mengalami kemerosotan dan kita pun terasa tahun ni [ini] tahun 2021 memang terasa sikit walaupun benda berjalan macam [seperti] biasa.

**S : Selain daripada tu [itu] ada tak macam masalah daripada pekerja contohnya pernah ada pecah amanah ke buat sebarang jenayah ke apa ke?**

**PZ :** Yang tu [itu] memang biasa kalau tu [Itu] biasa jadi pada *driver* [pemandu lori] biasanya *driver* [pemandu lori] sebab dia main [bawa] dengan *cash money* [wang tunai] *so* [jadi] diorang [driver] mula-mula elok lepastu [selepas itu] ada tapi sekarang kita dah ada sistem yang sistem bila keluar masuk barang tu [Itu] memang ada rekod tapi ada juga cara diorang [pemandu lori] nak menipu tu [itu] memang ada diorang [pemandu lori] ni [ini] memang ligat [bijak] memang bijak bahagian [taktik] menipu tu [itu] tapi tak banyak dia [pemandu lori] tak boleh kalau macam dulu dia boleh sebab macam dulu benda tak terkawal kalau kita masukan dalam satu *dozen* dalam lori dia [pemandu lori] masuk dalam seratus lebih kita tak tahu sebab benda tu [itu] tak ada rekod tapi sekarang kita dah buat sistem rekod tak boleh Kalau dia naik [bawa masuk barang] seratus lima puluh dia [pemandu lori] kena tunjukan mana dia [pemandu lori] pergi jual benda tu [itu] -kalau habis habis kalau tak habis berapa lagi yang ada dalam lori untuk bawa ke besok [keesokkan harinya] pula macam tu [itu] sekarang ni [ini] susah sikit.

**S : So [jadi] salah satu langkah untuk puan nak atasi masalah tu [itu] dengan cara yang macam tu [itu].**

**PZ :** Ha rekod.

**S : So [jadi] benda [barang] tu [itu] setiap kali *driver* [pemandu lori] ambik [ambil] barang dari tempat [kilang] tu [itu] kena masukan dalam sistem macam tu [itu] ke?**

**PZ :** Ya kita ada kerani yang jaga benda [sistem] tu [itu].

**S** : **So [jadi] setiap kali tu [itu] akan ada bukti menyatakan orang tersebut telah mengambil barang.**

**PZ** : Ya bukti dan ada catat [catatan] dan kita masukan dalam komputer [sistem] kerani akan masukan [data] - bila balik tu [itu] akan di *check* [pemeriksaan] balik dalam lori ada berapa yang terjual ada berapa lagi dan berapa *collection* [barang] yang dapat dari hasil yang dijual tu semua kena ada *proof* [bukti].

**S** : **Ada tarikh semua ?**

**PZ** : Semua sekarang sekarang susah sikit.

**S** : **Ada kauntiti tarikh semua.**

**PZ** : Ha semua.

**S** : **Untuk mengelakkan penipuan.**

**PZ** : Ha ya (mengangguk kepala).

**S** : **Boleh saya tahu apa jenis produk yang dikeluarkan oleh puan?**

**PZ** : Kilang kita *produce* [keluarkan] lapan [8] jenis sekarang [produk] kita ada pencicah cili kering, pencicah cili segar, kita [produk] ada sos *thai* perencah ikan bakar, tandori kita [produk] ada kacang kita ada cuka lepas tu saya lupa (ketawa).

**S** : **Tadi puan ada *mention* [nyatakan] puan ada buat *business* [perniagaan] catering jugak [juga] puan buat *business* [perniagaan] catering tu [itu] adakah puan menggunakan produk puan sendiri ke macam mana [bagaimana]?**

**PZ** : Tengok atas apa yang diorang [pelanggan] minta kalau kadang [kadang-kadang] tu [itu] diorang [pelanggan] minta nasi katakan nasi arab - nasi arab kita [puan zarinah] akan gunakan [menggunkan] kita [produk] punya tandori rempah tandori tu [itu] untuk bakar ayam bakar atau kambing atau daging dan atau pun kalau ada orang mintak nak makan set makanan *thai* [*Thailand*] kita buat tomyam ataupun ikan bakar ke kita akan guna perencah ikan bakar untuk tomyam.



**S** : **So [jadi] kalau macam makanan tu [itu] akan rumah kenduri tu memang akan selalu akan *request* [permintaan] makanan yang macam mana?**

PZ: Dia ikut atas diorang [pelanggan] *request* [permintaa] kalau untuk kenduri kadang tu [itu] untuk *hi-tea* [*minum petang*] diorang [pelanggan] minta macam mee goreng kita [puan zarinah] akan guna kita punya kicap.

**S** : **Berapa keuntungan puan waktu [sewaktu] buat [menjalankan] *business* [perniagaan] katering tu [itu] dan juga sos pencicah.**

PZ : Sos pencicah ni kita ambik dalam *thirty percent* [tiga puluh peratus]. Setiap tahun *thirty percent* [tiga puluh peratus] dan macam katering tu dia lebih sikit dalam *fifty* [lima puluh peratus].

**S** : **Untuk menghasilkan product [produk] keluaran puan apakah kelengkapan yang diperlukan untuk puan menghasilkn product [produk] puan?**

PZ : Peralatan?

**S** : **Ha ya.**

PZ : Okay peralatan kita [puan zarinah] ada periuk masak tu [itu] kita pakai *boiler* [periuk] pakai wap.

**S** : **Boiler [periuk] tu [itu] untuk apa?**

PZ : Untuk masak sos kita [puan zarinah] bukan guna periuk kecil (sambil menunjukkan saiz periuk) yang ni [ini] kita dapat dalam tujuh ratus ke dalam lapan botol untuk sekali masak

**S** : **Berapa harga satu [sebuah] *boiler* [periuk] tu [itu]?**

PZ : Periuk saja dalam *seventy thousand* RM 70,000.00 dia punya *boiler* [periuk] RM40,00.00 *boiler* [periuk] tu [itu] untuk kita dapatkan wap sebab dia [sos] masak dengan wap dan dia takda [tidak ada] kerak dekat dalam periuk tu [itu].

**S : Selain daripada tu [itu] ada mesin apa lagi?**

PZ : Kita kena ada penggiling tu [itu] dalam dalam RM 8,000.00

**S : Selain daripada tu [itu] lagi?**

PZ : Sekarang ni [ini] kilang kita [puan zarinah] masih guna secara manual [secara tradisional] lagi untuk pengisian dalam botol tu [itu] (sambil tunjuk cara pengisian) pengisian tu [itu] kita [puan zarinah] guna *manual* [secara tradisional] lagi dan kita [puan zarinah] dah dapat kelulusan dan dah bayar pun untuk *auto filing* [pengisian secara automatik] tu [itu] dalam RM 250,000.00 sebab ni [ini] musim PKP [perintah kawalan pergerakan] dari tahun lepas lagi sepatutnya dia [pihak pemasangan mesin] datang pasang tu [itu] inshaallah lepas PKP , PKP ni ke apa ke akan ada *automation* [mesin secara automatik].

**S : So [Jadi] setiap apa mesin yang puan beli tu [itu] memang guna modal sendiri ?**

PZ : Ada yang daripada jabatan yang RM70,000.00 , RM 40,000.00 tadi tu [itu] beli sendiri yang jabatan punya ni [ini] daripada SIRIM [Standard and Industrial Research Institute of Malaysia] ada dia bagi [pihak SIRIM] *thirty percent* [tiga puluh peratus] *seventy percent* [tujuh puluh peratus] kita [puan zarinah] bayar tiga puluh peratus Government [pihak kerajaan] akan [tujuh puluh peratus] - Air pun kita pakai air yang telah ditapis air tapis tu [itu] dia [mesin] punya [harga] mesin RM 170,000.00 - untuk nak tapiskan air tu [itu].

**S : So [jadi] maksudnya kalau mesin tu [itu] memang kena pakai [guna] tenaga manusia juga untuk –**

PZ : Haa ya sebab sekarang ni [ini] kita manual [guna kaedah tradisional] lagi inshaallah lepas ni [ini] bila dah *fully automation* [secara automatik] agaknya kita akan berkurang sebab sekarang pun macam dulu kita perlu macam bawang putih yang kita pakai tu [Itu] kita perlu suruh diorang siang [buang kulit bawang] yang dekat rumah [upah orang] atau datang dekat sini [kilang] tapi sekarang kita dah ada mesin yang direka oleh daripada - Kolej di Kedah [Perlis] dari UMP [UNIMAP] [Universiti Malaysia Perlis] yang tu [Itu] dia [pelajar UNIMAP] dibuat dia rekakan untuk kita [Puan Zarinah] bila masukan bawang

putih (bunyi mesin) kopek-kopek sekejap ja [sahaja] dia akan kopek-kopek buang.

**S : Kalau bawang merah macam tu [itu] jugak (juga)?**

PZ : Kalau bawang merah tak boleh kita tak guna bawang merah kita pakai bawang putih ja [sahaja] - tapi sekarang ni [ini] ada satu tu [itu] dia [pihak kilang yang membuat mesin] cuba buat mesin untuk cili nak asingkan cili dengan biji dia [cili] dan tangkai dia [cili] tapi tak berjaya.

**S : So [jadi] puan pakai secara *manual* [secara tradisional] lagi?**

PZ : Ha *manual* [secara tradisional] lagi cuma bawang putih tu [itu] - harga RM 15,000.00.

**S : Kiranya setiap mesin tu (itu) tadi yang puan cakapkan tu (itu) ada satu ja (sahaja)?**

PZ : Ha (ketawa) ada satu cukuplah satu kalau sorang yang jaga [pekerja yang ditugaskan untuk menjaga mesin] situ tu [itu] kita dapat berapa puluh kilo dah satu hari beratus kilo bawang putih.

**S : So [jadi] setiap hari berapa banyak yang puan *produce* [keluarkan] untuk satu hari dengan adanya mesin?**

PZ : Sekarang dengan *manual* [secara tradisional] tu [itu] kita dapat 40,000 botol untuk satu hari

**S : Saya pun ada tertanya-tanya juga sebab kami bukan dari bidang perniagaan macam puan kalau macam puan buat sos cili rempah dan lain-lain tu [itu] macam mana dari segi bahan-bahan adakah staff [pekerja] pun perlu hafal setiap *ingredients* [bahan] apa yang perlu dimasukkan macam mana [bagaiman)?**

PZ : Memang staff [pekerja] kena hafal benda [resepi] tu [itu] sebab sekarang ni [ini] kita [puan zarinah] memang tak turun macam ummi [puan zarinah] sendiri dah tak pergi dah sekarang kita [puan zarinah] dah cakap okay kalau satu periuk ni [ini] kita [puan zarinah] perlukan enam kilo [kilogram] cili diorang [pekerja]

sediakan enam kilo [kilogram] cili pergi mesin pergi basuh pergi merebus masukan dalam periuk besar kalau kata gula kita [puan zarinah] kena pakai 100 kilo [kilogram] dan kena masukan 100 kilo [kilogram] dalam tu resepi tu [itu] memang dengan diorang [pekerja].

**S : So [jadi] kirannya semua staff [tukang masak] wajib memang kena hafal ?**

**PZ :** Dia memang kena hafal kena tahu tapi kita pakai ada dua orang ja [sahaja] tukang masak tu [itu] yang dia [tukang masak] yang jaga dia yang handle [ditugaskan] benda tu [itu] jadi kalau dia [tukang masak] lupa masuk garam jadi tawar sos.

**S : Berapakah harga setiap product [produk] yang puan keluarkan contohnya macam satu botol sos cili tu [itu] berapa harga dia?**

**PZ :** Macam ummi [puan zarinah] sekarang dah tak buat sos cili kita buat sos pencicah ja [sahaja] tapi sos pencicah tu [itu] kalau dekat kilang kita [puan zarinah] pasarkan dengan harga Ringgit Malaysia dua ringgit dan lima puluh sen sebotol [RM2.50].

**S : Berapa ml [milimeter]?**

**PZ :** 340 ml [milimeter]

**S : Selain daripada product [produk] tu [itu] apa lagi?**

**PZ :** Kicap pun tiga ratusempat puluh [milimeter] juga dengan harga [Ringgit Malaysia tiga] RM3.00 sebotol macam [seperti] perencah cili kering perencah ikan bakar atau tandori tu [itu] kita jual dengan harga Ringgit Malaysia lima [RM5.00] dekat kilang

**S : Untuk setiap perencah sos pencicah tu [itu] puan dapat resepi dari mana daripada ibu sendiri ke ataupun puan ada buat macam carian daripada *Google* [tempat carian maklumat].**

**PZ :** R&D [Research And Development] sendiri? Bukan R&D [Research And Development] sendiri macam [seperti] sos pencicah yang tu [itu] kita dapat resepi dari MARDI [Malaysian Agricultural Research and Development

Institute] MARDI yang bagi resepi cuma kita olah [ubah suai] dari segi rasa dia [perasa] sebab tu [itu] rasa tak sama pencicah ni [ini] rasa macam ni [ini] pencicah ni [Ini] rasa macam ni [ini] sebab bila kita [puan zarinah] dapat resepi dari MARDI tu ummi [Puan Zarinah] telah olah nak mana kita [puan zarinah] nak citara sendiri bukan kita [Puan Zarinah] ikut MARDI tu [Itu] kita [puan zarinah] ikut MARDI cuma ikut bahan asas dia [resepi] apa. Cuma sekarang ni [ini] kita tambah gula ke kurangkan garam ke tambah cuka ke macam tu [itu] je [sahaja].

**S : So [jadi] maksudnya dekat MARDI [Malaysian Agricultural Research and Development Institute] tu [itu] kena bayar ke atau macam mana [bagaimana]?**

PZ : Tak ada *free* [percuma] yang tu [itu] Jabatan Pertanian hantar kita [para usahawan] pergi belajar.

**S : Apa *procedure* [syarat] perlu ikut untuk kita [para usahawan] dapatkan resepi daripada MARDI tu [itu].**

PZ : Tak ada *procedur* [syarat] apa kalau rajin Syahirah pun boleh pergi sana cakap dekat dia [Pihak Jabatan Pertanian] kalau kata minat nak belajar kata nak belajar buat jus ke *cordial* ke cakap dekat dia [Pihak Jabatan Pertanian] nak belajar buat *cordial* hari apa tapi sekarang berbayar kalau kita [peserta] pergi *personal* [persendirian] gitu [macam itu] kena bayar dia [Pihak Jabatan Pertanian] akan cakap “*you* [awak] datang hari Selasa pukul berapa berapa” ok ha dia akan sedia benda [kelengkapan] tu [itu].

**S : So [jadi] akan dapat semua tu [itu]?**

PZ : Akan dapat cuma kena rajin pergi kalau RISDA [*Rubber Industry Smallholders Development Authority*] ke Pejabat Pertanian ke pergi tanya macam mana diorang [Pihak RISDA atau Pejabat Pertanian] akan tolong Inshaallah.

**S : Bagaimana puan dapat bahan-bahan mentah untuk menghasilkan *product* [produk] puan?**

PZ : Sekarang kalau macam cili kita dapat *direct* [terus] daripada KL [Kuala

Lumpur] dia [pihak pembekal] ada kilang besar dekat sana tu [itu] dia [pihak pembekal] hantar tiap-tiap [setiap] kali yang kita [puan zarinah] order [tempah] -macam gula apa semua sekarang ni [ini] hantar ke kilang daripada pembekal hantar ke kilang.

**S : Kalau macam puan nak order [tempah] barang tu so [jadi] kena *contact* [hubung] *supplier* [pembekal] dari sana kiranya?**

PZ: Ya kita *contact* [hubung] *supplier* [pembekal] dan dia [pembekal] hantar sekarang ni [ini] semua dekat hujung jari je [sahaja] tekan duit [bayaran atas talian] barang sampai (ketawa).

**S : Setiap barang yang puan *order* [tempah] tu [itu] macam *one stop center* [pusat sehenti] maksudnya dekat situ [di situ] ada semua bahan yang puan --**

PZ : Tak, kita ada banyak juga *supplier* [pembekal] dia [kedai] satu jenis je [sahaja]. Kadang tu [itu] satu tempat tu [itu] dua jenis barang bukan semua *without one stop* [bukan pusat sehenti].

**S : So [jadi] maksudnya tempat yang berbeza semuanya di KL [Kuala Lumpur] ke macam mana [bagaimana]?**

PZ : Ya ada KL [Kuala Lumpur] ada Penang [Pulau Pinang] ada Johor banyak tempat

**S : Dah [sudah] lama puan menjadikan mereka sebagai *supplier* [pembekal] puan?**

PZ : Ya ada yang baru datang dia *supplier* [pembekal] bagi harga yang lagi murah ke macam mana ke dia punya [pembekal] *service* [perkhidmatan] tu [itu] lagi elok ke kita akan tukar.

**S : Dari segi nak ambil barang dari *supplier* [pembekal] adakah puan akan menyediakan *transport* [pengangkutan] sendiri ataupun pihak *supplier* [pembekal] yang akan menyediakan semua itu?**

PZ : Pihak *supplier* [pembekal] uruskan.

**S : Untuk memastikan produk puan keluaran puan berkualiti tinggi apakah kaedah yang puan gunakan?**

**PZ :** Kita memang jaga semua tu [itu] daripada cili yang elok daripada barang-barang mentah semua kena jaga dengan elok dan dia [produk] punya timbangan tu[itu] hari ni [ini] kita masukan setengah besok [esok] kita nk masuk setengah boleh macam tu kena ikut standard [piawaian] resepi yang kita sudah buat jadi tak boleh nak kata nak kurang ke lebih ke dia tak akan jadi berkualiti tak akan jadi sama.

**S : Pernah tak puan macam katakan ada kesilapan dari segi *ingredients* [bahan] tu *so* [jadi] macam mana cara untuk kita [pihak usahawan] tak nak tanggung rugi benda [produk] tu [itu].**

**PZ :** Kita tarik balik ada pernah terjadi kita tarik balik benda tu [produk]

**S : Kalau tarik balik maksudnya kita - -**

**PZ :** Katakan haritu ada pelanggan mengadu benda [produk] ni [ini] kita *try* [cuba] la *try* [cuba] pergi ambil semula buat balik benda tu [itu] tak rugi boleh proses [tambah baik] balik.

**S : Selalu ke kejadian tersebut berlaku atau macam ada sekali ke dua [2] kali kejadian tersebut jadi?**

**PZ :** Sekali dalam beberapa tahun tak akan [tidak akan] selalu benda tu [itu] sebab tukang masak dia kena *arlet* [beri perhatian] benda-benda [kesalahan seperti tersebut] macam tu [itu].

**S : Tukang masak dua orang je [sahaja] yang puan cakapkan?**

**PZ :** Ha ya.

**S : *So* [jadi] maksudnya kalau operasi untuk mengeluarkan *product* [produk] tu [itu] maksudnya dua-dua [kedua-dua tukang masak] sekali akan turun dekat kilang dan masak sekali?**

**PZ :** Dia sorang yang jaga yang sorang lagi kena jaga macam sorang jaga dekat

periuk sorang jaga dekat *boiler* [periuk] ke atau tempat penyediaan tempat mula *steps* [langkah] *one two three* [satu dua tiga] sampai nak masak jadi sorang jaga situ sorang jaga sini.

**S : Bukan kata dua-dua [tukang masak] masak sekali?**

PZ : Tak.

**S : : Ada tak contohnya macam isu kata puan dapat dari segi botol macam botol kaca ada tak puan dapat dari *supplier* [pembekal] pecah ke atau pon tak sama saiz ke ?**

PZ : Tak ada lagi sebab dia dari kilang direct [langsung] kilang dia tak ada dia [botol] datang semua elok yang kalau dulu ada masalah kita botol *recycle bottle*[botol kitar semula] bottle recycle botol ni dia datang kalau kita beli banyak-banyak memang banyak yang dekat atas tu pecah [penutup botol] (sambil menunjukkan botol pecah) memang tak boleh pakai .

**S : *So* [jadi] kalau *recycle* [kitar semula] tu [itu] kita kena bagi balik ke dekat *supplier* [pembekal] tu ke macam mana [bagaimana]?**

PZ : Kalau banyak sangat pecah kita bagi balik [pulangkan semula] yang *recycle* [botol kitar semula] tu [itu] kita beli dengan orang kampung [penduduk sekitar kilang] dia [pembekal] tak jual banyak sangat “dia kata memang beli macam tu dia terpaksa jual macam tu” tapi tak betul la macam tu.

**S : Apakah keunikan produk puan berbanding produk-produk yang ada dipasaran?**

PZ : Ni [ini] macam kena puji diri sendiri ni [ini]? (ketawa) uniknya sebab kita adalah ummi dan kita yang mula-mula sekali mengeluarkan mengemosoliatkan [komersialkan] benda [produk] ni [ini] komersialkan sos pencicah ni [ini] kalau dulu memang tak ada ummi adalah yang sulung ummi yang mula-mula sekali yang buat dalam pasaran walaupun orang lain pergi belajar tapi dia [usahawan yang lain] tak buat ummi [Puan Zarinah] buat dan ummi pasaran jadi yang masuk pasaran mula-mula sekali ummi jadi nak tahu unik ke tak unik ke kita [pemilik] sendiri kadang-kadang kita tak boleh kata apa sebab kita kena tanya



orang bila orang cakap benda tu [itu] baik maka baik benda tu [itu] tapi kalau kita kata baik orang kata tak baik kita tak boleh kata benda tu [itu] baik so [jadi] unik atas customer [pelanggan] customer kata okay baik bagus sedap sebab tu ummi punya motto rasa dulu baru tahu so [jadi] you [awak] rasa then [apabila] you [awak] kena bandingkan dengan yang lain okay “ummi sedap dari segi ni ummi pekat dari segi ni ummi cairnya macam ni” dan kalau ummi sendiri nak cerita tentang keunikan tak ada yang uniknya sama ja [sahaja] (ketawa).

- S** : **Kena tahu *feedback* [maklum balas] dari *customer* [pelanggan].**
- PZ** : Tapi kita dapat *feedback* [maklum balas] selalunya alhamdulillah [baik] dan kalau ummi [puan zarinah] kalau kita nak tahu barang kita diterima atau tak kita kena tengok dulu graf [prestasi] pengeluaran kita adakah graf kita menaik atau turun kalau turun maknanya orang tak boleh terima kalau kita punya tu [graf] menaik dia sekarang ni [ini] ummi punya [graf] dia naik dan dia pergi mendatar jadi maknanya kita duduk stay [kekal] tapi sekarang macam tu juga dia tengok atas musim (sambil menunjukkan kenaikan graf).
- S** : **Dalam banyak-banyak produk yang puan keluarkan apakah produk yang paling mendapat sambutan dihati pelanggan?**
- PZ** : Dia sos pencicah cili kering yang mula-mula sekali dan sekarang sos pencicah cili segar pun dah nk pergi [capai] sama dah dengan itu [sos pencicah cili kering] alhamdulillah walaupun ummi baru tak baru dalam lima enam tahun kita buat kicap dan kicap kita pun macam dah *boom* [mendapat sambutan] .
- S** : **Selain daripada puan memasarkan macam tadi puan kata puan ada orang [ejen] dekat KL [Kuala Lumpur] masuk dalam pasaraya dan sebagainya ada tak puan menggunakan platform-platrom lain contohnya macam *shopee* ke *Lazada* [perniagaan atas talian] ke?**
- PZ** : Shopee kita baru je [sahaja] lancarkan produk kita dalam shopee baru tak sampai sebulan dan alhamdulillah sambutan dia [sambutan dari pelanggan].
- S** : **Adakah pelanggan dari shopee itu adalah pelanggan dari pasaraya [pelanggan setia] atau pun --**

- PZ : Kalau dekat pasaraya sekarang ni [ini] orang sekarang malas nak keluar jadi diorang [pelanggan] tekan-tekan [beli secara atas talian] je [sahaja] sampai itu ja [sahaja].
- S : **Waktu dekat *shopee* [perniagaan atas talian] tu [itu] sapa [siapa] pula yang mengambil alih untuk menguruskan *shopee*?**
- PZ : Yang itu dah ada sekarang ni [ini] anak ummi [puan zarinah] dah tiga empat orang dah cuburi bidang ni [bidang perniagaan] sekarang dua orang ni [ini] yang jaga untuk *Shopee* [perniagaan atas talian] tu [itu] [menguruskan].
- S : ***Shopee* [perniagaan atas talian] tu [itu] ada dua orang yang *handle* [menguruskan] - kalau dekat *Shopee* kita boleh dapat *feedback* [maklumbalas] diruangan komen adakah diruangan komen tu puan mendapat *feedback* [maklumbalas] yang memuaskan ke macam mana [bagaimana]?**
- PZ : Memang memuaskan *feedback* [maklumbalas] dengan cakap kita punya ni [ini] bagus [perkhidmatan] bagus cepat [prosess penghantaran] dan barang sampai tak pecah macam tu [itu] produk pun alhamdulillah [berpuasa hati] orang boleh terima.
- S : **Dari segi *packing* [pembukusan] sapa pula yang buat bahagian tu [itu]?**
- PZ : Yang dua orang tu lah [anak puan zarinah] diorang [mereka] buat sekali.
- S : **Untuk proses--**
- PZ : Ha *yes* [betul] dari *packing* [pembukusan] sampai ke penghantaran untuk penghantaran ke J&T [kuriel penghantaran barang] kita hantar dengan J&T
- S : **Kebanyakan pelanggan puan dari negeri yang mana?**
- PZ : Yang banyak sekali yang kita punya pelanggan dekat Johor [Malaysia] dekat Mersing [Johor] orang nak pergi ke Pulau Tioman kalau dulu bayak *Singaporean* [penduduk dari Singapore] banyak yang datang beli dekat sana dekat situ [disitu] sahaja agaknya dekat dua puluh lima peratus atau tiga puluh peratus daripada kita punya sales [hasil jualan] datang daripada Mersing [Johor].

- S** : Selain daripada Mersing [Johor] mana lagi Puan?
- PZ : Dekat Lembah Klang [Malaysia].
- S** : Semenjak puan memasarkan *product* [produk] puan dekat shopee berapa keuntungan yang puan dah dapat?
- PZ : Kira *percent* [peratus] kan? Tiga puluh *percent* [tiga puluh peratus] tiga puluh lima *percent* [tiga puluh lima peratus] kita dapat.
- S** : Berapa jumlah pengikut puan dekat platform shopee?
- PZ : Yang itu kena tanya budak-budak [anak puan zarinah] sebab saya malas nak tu-- tapi memang ramai hari kita buat pelancaran kita dapat satu 1.5k [1500 penonton] *view* [*story*] kita punya.[iklan]
- S** : Dari segi *marketing* [pemasaran] anak puan juga ke yang buat?
- PZ : Ya
- S** : Okay saya nak tanya soalan ni [ini] agak panas [isu hangat masa kini] juga - negara kita sekarang ni [ini] tengah [sedang] dilanda pandemik Covid-19 [*Corona Virus*] puan sebagai usahawan adakah perniagaan puan juga turut terjejas sewaktu pandemik ini?
- PZ : Pandemik dengan hadirnya pandemik yang masa mula-mula sekali kita *lockdown* [Perintah Kawalan Pergerakan] 2020 haritu [hari itu] masa tu [itu] kitaorang [puan zarinah] tak terasa sebabnya masa tu [itu] kita punya *business* [perniagaan] naik mencanak tak sempat nak keluarkan barang laku betul-betul [mendapat sambutan] masa dulu [tahun 2020] tapi yang *lockdown* [perintah kawalan pergerakan] *three point zero* [tiga perpuluhan kosong] ni [ini] memang terasa betul sebabkan semua perniagaan lain pun memang mengalami dan kita pun terikut sama [turut terjejas] sebab orang tak boleh pergi tak boleh rentas daerah tak boleh rentas negeri [semasa perintah kawalan pergerakan] kalau dulu cuti sekolah diorang [pelancong] boleh balik KL [Kuala Lumpur] membeli belah dekat Kelantan tapi sekarang ni tak boleh nak pergi mana dah - dah [sudah] berapa bulan kita tak boleh nak rentas daerah memang terasa betul-

betul.

**S : Apakah langkah sekiranya pandemik ini selesai [tamat] bagaimanakah cara untuk puan untuk nak bangkit balik bina perniagaan menjadi sedia kala ?**

PZ : Yang tu [itu] senang ja [sahaja] tapi sekarang ni [ini] musim ni [ini] semua pekerja kita kena ada lima puluh *percent* [peratus] ja [sahaja] kalau dari lima belas kita kena ada tujuh orang ja [sahaja] jadi lepas kata [selepas pandemik berakhir] buka semula kita [puan zarinah] boleh ambil semula pekerja sebab kesian diorang [pekerja puan zarinah] tu [itu] walaupun kita boleh tolong sikit-sikit tapi kalau hari-hari macam ni [semasa pandemik] memang susah juga.

**S : Dari segi bayaran gaji kita ada terdengar dekat media-media sosial ada majikan yang memotong gaji disebabkan pandemik ini --**

PZ : Ummy [puan zarinah] tak ada potong [gaji] cuma kita ikut hari mereka berkerja kalau dulu kita bayar *per month* [setiap bulan] *minimum* [purata] kalau tu [itu] minimum RM 1,200.00 [gaji pekerja] jadi bila tiba musim-musim [musim pandemik] macam ni [ini] kita ikut hari diorang [pekerja] berkerja - jadi kalau hari diorang bekerja diorang [pekerja] dapat tak banyak la tidak sampai RM 1,200.00 [gaji setiap bulan] RM1,500.00 macam tu [itu] diorang [pekerja] dapat kurang sedikit tapi gaji diorang tetap ada kita tak potong tak apa [tiada potongan gaji] janji diorang [pekerja] boleh berkerja.

**S : Walaupun dalam kapasiti yang sikit.**

PZ : *Yes* [ya].

**S : Saya nak tanya puan rasa susah tak untuk menjalankan perniagaan dalam fasa pandemik ni sebab banyak nak kena ikut SOP [*standard operating procedure*] dan sebagainya**

PZ : Yang tu [itu] memang kita kena ikut SOP [*standard operating procedure*] pada mulanya kita rasa susah tapi bila dah kerajaan sarankan kalau dulu ambik surat polis ambik surat MITI [*Ministry of International Trade and Industry*] so [jadi kita ikut sahaja] kita pergi saja pergi buat apa semua pastu [lepastu] kita dah ada

surat tu [itu] senang kita nak pergi mana pun boleh tapi jangan salah gunakan nak balik kampung nak jumpa mak [pulang ke kampung dalam tempoh PKP] guna surat MITI [*Ministry of International Trade and Industry*].

**S : Apakah usaha puan untuk nak pulih balik daripada sekiranya puan mengalami kerugian semasa pandemik ni [ini] apakah langkah yang puan akan ambil untuk pulihkan *business* [perniagaan] ni [ini]?**

PZ : Kita inshaallah kita kena doa banyak-banyak sebab apa bila dah pulih balik tu [itu] inshaallah kita akan pulihkan balik bila dah ada permintaan maka pengeluaran pun akan banyak dan kita akan balik seperti sedia kala.

**S : Saya nak tanya siapakah idola puan dalam bidang perniagaan?**

PZ : Dalam bidang perniagaan - Idola? kalau masa dulu masa mula buat dulu [mulakan perniagaan] kalau boleh kita nak pasarkan biar kita duduk *advance* [setanding] macam Maggie jadi idola kita [puan zarinah] Maggie dan kita rasa Maggie sebab dalam otak pemakan [pelanggan] bila masuk supermarket [pasaraya] pergi kedai runcit apa yang fikir dulu mesti fikir Maggie tengok cili sos inggat Maggie itu Maggie ini Maggie tapi bila sekarang ni [ini] bila kita sudah sekolahkan pengguna [pengaruhi pengguna], sekolahkan pengguna supaya guna barangan islam sekarang ni [ini] diorang pergi [pelanggan] tengok [kedai] sebelah ummi ada Maggie *so* [jadi] diorang akan ambik ummi [produk ummi]. Kita sekolahkan pelanggan [tarik pelanggan] walaupun cina [orang china] dia dapat halal, *halalan toyiban* [halal yang lebih menghalalkan] kalau dengar orang islam ni [ini] halal lagi baik *halalan toyiban*

**S : Sepanjang puan menjadi usahawan apakah anugerah yang puan dapat?**

PZ : Anugerah Usahawan Jaya Usahawan Tani dan yang akhir sekali Siti Khadijah [anugerah sayyidatina khadijah khuwailid].

**S : Tahun bila puan dapat anugerah tu [itu] setiap anugerah yang puan dapat ketiga-tiga anugerah tu [itu] pada tahun bila?**

PZ : Dalam tahun 2007 agaknya *start* [mula] ke 2006 dan kadang-kadang tu [itu] bila ada hari Peladang Petani tu [itu] dekat Kota Bahru memang kita akan masuk

bertanding biasanya produk ummi akan dapat tempat pertama kedua atau ketiga tiap-tiap tahun.

**S : Biasanya pertandingan tu [itu] dekat mana?**

PZ : Biasanya pertandingan tu [itu] dekat KB [Kota Baharu] Dekat stadium Kota Baharu - tak pernah pergi ?

**S : Saya bukan orang kelantan (ketawa) - maksud saya pertandingan tu [itu] product [produk] ke macam mana [bagaimana]**

PZ : *Product* [produk] dan ada juga dipertandingkan usahawan ummi [puan zarinah] pernah dapat [anugerah] dengan arwah Tok Guru Nik Aziz dengan Pemangku Sultan Kelantan dengan diorang [beri anugerah kepada puan zarinah].

**S : Penilaian tu [itu] dari segi sales [jualan] atau permintaan pelanggan?**

PZ : Penilaian atas semua penglibatan usahawan itu sendiri *sales* [jualan] tempat kerja pekerja semua merangkumi semua sekali.

**S : Merangkumi semua aspek tu [itu]? — Apakah yang menjadi penguat semangat puan agar terus maju dalam bidang perniagaan?**

PZ : Sokongan daripada keluarga daripada ibu bapa daripada anak-anak yang tolong sebab sekarang ummi [puan zarinah] dah tak berkecimpung ummi [puan zarinah] dah malas kalau ada apa-apa hal tu cuma kita pergi tengok ja [sahaja] - Jadi anak-anak sekarang pengerak dan ummi daripada keluarga yang besar sokongan daripada keluarga memang tak dapat kita nak balas balik diorang [sokongan dari ahli keluarga] punya sokongan tu [itu] dan kita rasa bersyukur kerana menjadi kebanggaan kedua ibu bapa.

**S : Boleh tak puan kongsiakn tips-tips atau kata-kata semangat untuk para-para usahawan yang baru berjinak-jinak dalam bidang perniagaan ini?**

PZ : Kita sebagai usahawa jangan kita tak boleh nak *we are the best* [kita yang paling bagus] kita terbaik kita kena tengok orang juga bukan kita yang menilaikan diri kita kalau nak buat sesuatu benda tu [itu] cari identiti sendiri jangan suka nak ciplak [tiru] orang nak kita boleh ciplak cara yang orang kata yang - bagus

pandai jangan kita ciplak nampak betul-betul kita ciplak benda tu [itu] banyakkkan berfikir untuk nak bangunkan lagi kita punya *product* [produk] ,*packing* [pembungkusan] cara bagaimana nak tarik lagi pelanggan tu [itu] makana kalau dari segi makanan cari identiti sendiri jangan suka nak ciplak barang orang jangan orang ni [ini] buka kedai goreng pisang kita pun buka kedai goreng pisang jangan,kita buka kedai goreng pisang tapi kedai goreng pisang kita yang lagi kualiti lain daripada orang sebelum jangan sama bila kita lain daripada orang kita dapat kekalkan harga dan kita boleh letakan harga kita lebih tinggi. Kita kena ada - sendiri cita-cita kena tinggi macam ummi [puan zarinah] kata kena bercita-cita macam 'mak jenin' 'mak jenin' tu [itu] bagus tapi dia tak ada usaha cita-cita ja [sahaja] 'mak jenin' kita boleh tiru dia kena cita-cita macam mak jenin tapi disamping tu [itu] kita kena ada usaha supaya kita dapat cita-cita tu dari sekor ayam jadi dua ekor jadi seratus bela [peliharaan] ayam nak bela [peliharaan] kambing lembu lepas lembu beli tu beli ni [ini] apa semua jatuh pokok tak nak macam tu kita nak biar kita daripada satu botol dia jadi beribu-ribu botol juta-juta botol. Ummi [puan zarinah] *start* [mula] dengan empat botol sekarang sudah empat ribu satu bulan ummi *start* [mula] dengan empat botol saja- sebab kita jaga kita kualiti kita baru dia pergi kepada kuantiti jangan tengok kuantiti tapi kualiti tak jaga.

### **Tamat Sesi Pertama**

## SESI KEDUA

### BAHAGIAN E: SUMBANGAN

- F** : Assalamualaikum berikut merupakan sesi kedua untuk sesi wawancara bersama Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid.
- F** : Okay untuk soalan ni saya akan menayakan [bertanya] mengenai sumbangan puan - sewaktu puan-- adakah puan memberi sumbangan dalam bidang akademik atau kokurikulum.
- PZ** : Masa bila tu [itu] masa belajar ke masa --?
- F** : Masa belajar dalam akademik ke kokoriklum?
- PZ** : Masa belajar tak ada sebab kita [puan zarinah] *student* [masih belajar].
- F** : Tak ada macam kokoriklum ke?
- PZ** : Tak da [tidak ada] yang tu ja [sahaja] untuk kaunseling [program kaunseling] tu [itu].
- F** : Waktu kaunseling itu puan memberi sumbangan ketika belajar apakah sumbangan yang puan berikan kepada perniagaan puan sendiri?
- PZ** : Sumbangan dalam bentuk apa tu [itu]?
- F** : Dalam bentuk a --
- S** : Contohnya macam puan sendiri puan beri pekerjaan kepada orang sekeliling puan ke? Ataupun macam sekarang kita dalam fasa pandemik *so* [jadi] sumbangan yang puan berikan selain puan memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat puan memberi sumbangan dari segi apa lagi?
- PZ** : Untuk pekerja maksudnya? untuk pekerja tu [itu] memang kita akan bagi diorang lima puluh *percent* [lima puluh peratus] ja [sahaja] berkerja jadi kita tukar-tukar [bergilir-gilir] minggu ni [ini] orang ni [ini] datang minggu depan orang lain datang dan sebelum PKP tu [itu] kitaorang [puan zarinah] akan bagi sumbangan dalam bentuk duit dan juga barang keperluan diorang [pekerja] kita



akan bagi asnaf dekat masjid Machang [Kelantan] bagi dalam bentuk barangan macam kicap sos apa semua kita bagi untuk diorang agih-agih kepada asnaf.

**F : Okay sumbangan tu ada had tak maksudnya ada waktu-waktu tertentu ke atau --**

PZ: Tiada had jadi bila diorang [penerima derma] perlukan benda tu [itu] salah sorang daripada macam imam ke akan datang ke rumah akan ambik [barang sumbangan]

**F : Apaka sumbangan puan dalam bidang perniagaan contohnya puan pernah mengikuti apa-apa program memberi ceramah kepada usahawan-usahawan yang baru nak mula berniaga ni [ini] ke?**

PZ : Kita selalu buat macam *sharing* [program untuk berkongsi pengalaman] pengalaman bila ada hari Peladang ke hari apa ke diorang [pihak penganjur] akan jemput ummi [puan zarinah] dalam dua tiga kali juga kitaorang [puan zarinah] pergi [menyertai].

**F : Selalunya dalam Kelantan ke atau luar Kelantan [Malaysia]?**

PZ : Dalam Kelantan ada juga luar pun ada.

**F : Maksudnya hanya dibawah naungan [anjuran] MARDI ke atau--**

PZ : *Under* [anjuran] Pejabat Pertanian biasanya [selalunya].

**F : Mengapakah puan memilih membuat perkara tersebut adakah kerana minat ke atau sebaliknya?**

PZ : Minat dan nak kita nak *share* [berkongsi] kita punya pengalaman.

**F : Maksudnya pengalam dalam dunia perniagaan yang telah puan kecap [cebur].**

PZ : Ya saya

**F : Apakah sumbangan yang paling bermakna yang telah puan berikan kepada masyarakat contoh jiran ke kepada sanak saudara puan ke?**

PZ : Yang biasanya datang biasa perlukan bantuan tu [itu] memang kita [puan zarinah] rasa memang puas hati sangat-sangat bila diorang [peminta derma] perlu diorang datang minta memang ada dua tiga keluarga yang kitaorang [puan zarinah] tolong bila diorang perlu kitaorang akan bagi.

F : **Sumbangan tu [itu] sumbangan dalam bentuk apa?**

PZ : Dalam bentuk kadang-kadang dalam bentuk duit barangan, pakaian semua ada.

F : **Maksudnya kalau orang [peminta derma] tu [itu] nak sumbangan tu diorang [mereka] kena datang jumpa puan untuk sumbangan tu.**

PZ : Ya ataupun kita panggil diorang [peminta derma] datang [datang ke rumah puan zarinah].

F : **Panggil tu [itu] melalui [kaedah] apa? melalui kenalan puan ke?**

PZ : Biasanya diorang dah tahu bila masa misalnya dekat nak raya ke atau nak puasa ke masa tu [itu] diorang [peminta derma] datang [jumpa dengan puan zarinah] untuk minta sumbangan].

F : **Kalau raya tu [itu] dalam bentuk sumbangan pakain baju raya macam tu [itu]?**

PZ : Semua sekali

F : **Semua sekali - Sepanjang bergelar usahawan adakah puan memberi sumbangan dari segi perniagaan di peringkat anatarabangsa?**

PZ : Kita pernah pergi ke Aceh [Indonesia] dan pernah cuba untuk buka disana [buka cawangan] kitaorang [puan zarinah serta perkerja] duduk dekat selama satu tahun pergi buka macam kilang kecil dekat sana.

F : **Boleh tak puan ceritakan sedikit apakah sumbangan puan dalam peringkat anatarabangsa tu [itu]? Macam pengalaman puan sepanjang di Aceh.**

PZ : Sepanjang di Aceh [Indonesia] tu kita dapat belajar macam mana budaya diorang [budaya orang Aceh] dan apa yang diorang [masyarakat Aceh] suka dan alhamdulillah diorang [mereka] terima kita punya macam produk-produk kita

dan pertama sekali pencicah rojak buah tu [itu] sebab orang Aceh ni [ini] dia punya tabiat [budaya] petang kita dekat Malaysia kita makan macam goreng pisang [pisang goreng] ke cucur ke tapi dekat Aceh diorang [masyarakat Aceh] makan rojak buah diorang [masyarakat Aceh] pergi dekat gerai-gerai tu [itu] memang petang sebelum dioarang balik tu [itu] memang diorang pergi beli bawak balik keluarga makan sama-sama diorang makan rojak buah petang jadi diorang boleh terima kita punya rojak buah tu [itu] untuk makan dengan buah-buah diorang.

**P : Diorang [masyarakat Aceh] dekat sana makan buah petang berbeza dengan Malaysia ni [ini].**

PZ : Ha ya

**F : Lepas setahun tu [itu] kilang tu [itu] masih ada dekat sana?**

PZ : Tak sebab masa tu [itu] kita pergi sendirian tak ada campur tangan government [kerajaan] ke apa ke dan disana dia [undang-undang di Aceh] punya undang-undang lain dengan kita macam penggunaan bahan awet apa semua jadi sebelum diorang [kerajaan Aceh] ambil tindakan ummi [puan zarinah] balik [balik ke Malaysia] (ketawa) - bukan barang kita tak laku dekat sana tapi dari segi perdagangan apa semua banyak yang kita kena lalui dan banyak akan pakai duit [perlu keluarkan modal yang banyak].

**F : Maksudnya bahan mentah sana bahan-bahan yang diperlukan membuat--**

PZ : Ha memang susah daripada sana ya memang susah untuk kita dapat macam barang-barang yang kita pakai [guna] banyak yang kita bawa dari Malaysia.

**F : Pastu [lepas itu] pekerja puan dari Malaysia ke atau puan ambik orang tempatan dekat sana?**

PZ : Orang tempatan indon [orang Indonesia] Aceh.(ketawa)

**S : Tahun bila tu [itu] puan?**

PZ : Sepuluh tahun lepas.

- F : Apakah perasaan puan selepas memberi sumbangan tersebut?**
- PZ : Rasa *happy* [gembira] dan rasa ada koperasi dekat sana ada minta kita *join vanture* [berkolaborasi] tapi ummi [puan zarinah] dah *study* [kaji] tentang diorang peel [tingkah laku] diorang orang indon [orang Indonesia] memang tak boleh nak percaya *hundred percent* [seratus peratus] *so* [jadi] ummi tak jalankan [turut serta] hubungan dengan koperasi tu [itu].
- F : *Stop* [berhenti] terus dekat sana?**
- PZ : Ya memang stop [berhenti].
- F : Pastu [lepas itu] kalau sumbangan dalam Malaysia pula apa perasaan puan?sebab puan pernah bagi dapat anugerah yang puan dapat dekat Malaysia apa perasaan puan?**
- PZ : *Happy* [gembira] dan alhamdulillah kerana diberikan kejayaan sampai ke hari ini dan barangan kita pun bertahan sampai ke hari ini alhamdulillah.
- F : Adakah sumbangan yang puan berikan itu puan mengharapkan sebarang penghargaan?**
- PZ : Yang tu [itu] kita tak mengharapkan apa-apa penghargaan kepada kerajaan ke orang ramai ke tapi yang menilai tu [itu] yang telah memberikan anugerah itu kepada ummi [puan zarinah].
- F : Apakah penghargaan yang paling berharga yang puan dapat sepanjang hidup?yang puan tak dapat lupakan.**
- PZ : Perhargaan tu [itu] masa mula-mula sekali terima usahawan terbaik Kelantan dengan arwah Tok Guru Nik Aziz yang tu [itu] paling tak dapat lupa.
- F : Apakah nama sumbangan tu [itu] ?bentuk sumbangan tu [itu] contohnya perniagaan terbaik ke apa-apa ke?**
- PZ : Anugerah Usahawan Jaya
- F : Pada tahun?Bila tu [itu]?**
- PZ: Lupa dah tahun tu kena tengok balik (sambil ketawa) tapi rasa awal-awal

pemerintahan Tok Guru Nik Aziz dalam dua tiga tahun awal. Dalam awal pemerintahan Tok Guru Nik Aziz,

## BAHAGIAN F: HARAPAN

- S : Apakah harapan puan kepada masyarakat dalam bidang perniagaan?**
- PZ : Dalam bidang perniagaan semua umum ke atau perniagaan kitaorang [perniagaan puan zarinah]?
- S : Umum boleh perniagaan puan sendiri pun boleh?**
- PZ : Dalam pandemik sekarang [sewaktu pandemik] ni [ini] harap-harap kita akan dapat solusi macam mana untuk kita balik semula [kembali sedia kala] kepada zaman sebelum ini yang perniagaan semua berjalan lancar - harapan semoga cepat *Covid-19* [*Corona Virus*] akan hilang [tamat] daripada tempat [negara] kita supaya semua orang boleh berniaga macam biasa [seperti biasa].
- S : Apakah nasihat yang puan hendak berikan kepada usahawan dan anak muda yang baru berjinak-jinak dalam bidang perniagaan?**
- PZ : Nasihat ummi [puan zarinah] sapa [siapa] yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan tu [itu] kena kenal pasti dulu [dahulu] barangan [produk] yang kita nak [hendak] pasarkan dan kita nak jual dari segi apa-apa sekali pun - bukan sekadar makanan ke apa ke perkidmatan ke tapi kita kenal pasti dulu apa yang kita nak niagakan [jualkan] jangan kita buat ni [ini] sedikit ini sekejap kita lepas [gagal] kita buat business [perniagaan] ni [ini] kita lepas [gagal] kita kena kaji dulu kena belajar dulu yang mana perniagaan yang betul-betul kita nak jangan nak *copy* [tiru] orang ja [sahaja] tengok orang sebelah ni [ini] buat orang ni [ini] buat tak boleh - cari ja [sahaja] apa yang kita nak buat dan fokus dan istiqomah - istiqomah sampai berjaya katakan nak buat sekejap ini tak boleh laku benda ni [ini] terus nak berhenti tak boleh macam tu [itu] - kena cuba jugak [juga] cari sampai orang betul-betul suka dengan apa product [produk] yang kita nak bagikan - nak jual pada orang ramai tu [itu] apa - jangan mudah mengalah.
- S : Sekiranya puan diberikan peluang untuk menarik minat golongan anak muda untuk terlibat sama dalam bidang perniagaan apakah tindakan puan?**
- PZ : Siapa yang ingin berniaga tu [itu] kalau [sekiranya] nak belajar datang tengok

pengalaman kita [menimba ilmu dari usahawan] macam mana tanya [timba ilmu] yang lebih dulu [usahawan yang berpengalaman] pengalaman orang dulu-dulu [usahawan yang telah lama berkecimpung] macam mana jangan kita cepat mengalah dan ambik [ambil] semangat daripada orang yang terdahulu orang yang telah berjaya maksud ummi [puan zarinah].

**S : Sekiranya puan tak keberatan boleh tak puan kongsi kan serba sedikit tentang apakah bentuk-bentuk peluang kepada para peniaga yang baru nak mencuburi dalam bidang perniagaan?**

PZ : Dalam perniagaan ummi [puan zarinah] rasa sekarang ni [ini] terbukak [terbuka] luas-luasnya [banyak peluang] sebab sekarang ni [ini] dah ada perniagaan *online* [perniagaan atas talian] apa semua dan *you all* [awak semua] memang [sudah] biasa dengan benda-benda [teknologi] ni [ini] tu [itu] macam kita orang tua [puan zarinah] kita ni macam *shoppe* ke *Lazada* memang kita tak boleh nak buat nak *handle* [guna] tapi *you all* [awak semua] orang muda sebab sekarang ni [ini] masa dah ke arah [maju] tu [itu] *so* [jadi] *you all* [awak semua] boleh pakai benda tu [itu] gunakan benda tu [teknologi] untuk perniagaan

**S : Apakah inisiatif kerajaan yang telah disediakan untuk usahawan agar dapat memulakan perniagaan mereka? Antara inisiatif yang puan tahu.**

PZ : Inisiatif kerajaan biasanya diorang [pihak kerajaan] buat seminar panggil buat khusus untuk bidang apa yang kita minat - macam di IKM [Institut Kemahiran Mara] dan di jabatan kerajaan sendiri pun macam MARDI, RISDA, Jabatan Pertanian dan jabatan-jabatan apa pun semua diorang [pihak kerajaan] sediakan benda [inisiatif] tu [itu] cuma kita nak tak nak kalau kita minat tentang nak buat apa-apa kita boleh terus pergi ke MARDI atau untuk bahan-bahan pembuatan pergi ke MARDI atau pergi ke MARA tanya dia apa peluang dan macam mana kerajaan tolong kitaorang [usahawan baru] yang baru mula nak belajar perniagaan - ada tak sumbangan yang kerajaan dapat bagi [bantuan dari kerajaan] dalam bentuk pinjaman ke ataupun diorang akan bagi [bantuan dari pihak kerajaan]

**S : Kalau dari segi yang puan cakap khusus apa semua tadi tu [itu] dia [program] percuma ataupun ada bayaran yang tertentu.**

PZ : Ada yang percuma dan ada yang kena bayar dan kalau *you all* [awak semua] rajin cari je [sahaja] yang percuma (ketawa)

**S : Boleh tak puan kongsikan serba sedikit apakah harapan puan terhadap golongan muda yang ingin terlibat sama dalam bidang perniagaan?**

PZ : Harapan saya semoga anak-anak muda ni [ini] dia boleh betul-betul fokus pada bidang apa ingin mereka ceburi dan bila diorang anak-anak [golongan usahawan muda] fokus insyaallah dia ada jalan dia - fokus dan cari tahu [ilmu] dekat mana kita nak timba pengalaman tu [itu] ataupun nak cari macam mana ada khusus ni [ini] dekat mana-mana ke kena ambil tahu tu [itu] supaya kita akan cepat berjaya (ketawa).

**S : Apakah nasihat yang puan ingin berikan kepada mereka?**

PZ : Yang ingin berniaga tu [itu] macam ummi [puan zarinah] katakan tadi kena fokus dan istiqomah dalam setiap apa bidang apa yang ceburi - jangan cepat mengalah - orang yang berjaya tu [itu] bukan datang dengan sekelip mata berpuluh tahun diorang [usahawan yang berjaya] dalam industri tu [itu] dan diorang [usahawan] dapat kejayaan tu [itu].

**S : Sebagai usahawan yang telah lama dalam bidang perniagaan apakah harapan puan terhadap perniagaan dijalankan sekarang?**

PZ : Sebenarnya kita [puan zarinah] berniaga ni [ini] pengalaman dia kita kena kongsikan apa yang kita buat macam kita kata ada kilang ke apa ke kita kena ada *trust* [percaya] kepada pekerja-pekerja kita jangan kita kata yang ni [ini] boleh tunjuk yang ni [ini] kena simpan yang ini itu tak boleh kena bagi diorang [pekerja] - bagi diorang [pekerja] rasa senang [selesa] bekerja dengan kita - jangan ada had macam had tu [itu] ini nak bagi diorang [pekerja] kita bagi kebebasan dalam apa jua dan kongsikan pengalaman-pengalaman yang baik supaya mereka lebih produktif untuk kita [majikan]

**S : Untuk soalan seterusnya apakah harapan puan terhadap pekerja-pekerja puan?**

PZ : Harapan kepada pekerja tu [itu] biasalah suapaya diorang [pekerja puan zarinah]



suapaya rajin dan bekerja dengan jujur bila kita jujur kita amanah jadi senang perjalanan dalam setiap organisasi kalau tak jujur nanti susah bukan tuan [majikan] yang susah tapi semua orang [seluruh organisasi] akan susah - bila melibatkan kewangan ke apa ke tapi kalau semua jujur kerja elok-clok [amanah] kiat dapat *profits* [keuntungan] yang banyak [bagus] dan inshaallah kita akan agih-agihkan untuk bonus ke apa

**S : Apakah harapan puan terhadap perniagaan puan untuk jangka masa pendek? Apa plan jangka pendek untuk mengukuhkan lagi dalam fasa pandemik?**

PZ : Untuk jangka pendek ni [ini] kitaorang [perniagaan puan zarinah] sebabkan kita tak boleh rentas daerah sekarang ni [ini] kita buat *online shopee* [berniaga secara atas talian] dan kita telah [berniaga] dengan shopee - tu [itu] jagka pendek tengok macam mana tu [itu] kalau tak boleh rentas lagi memang ini [berniaga secara atas talian] adalah jalan terbaik untuk semua orang rasai benda [produk] tu [itu].

**S : Adakah dengan menggunakan platform shopee ni [ini] adalah salah satu langkah terbaik bagi puan?**

PZ : Buat masa ni [ini]memnag terbaik sebab sekarang ni [ini] pun *shopping online* [membeli secara atas talian] *trending* [menjadi pilihan] number satu dekat Malaysia semua orang beli-belah *online* [secara atas talian] semua - tambah-tambah [tambahan pula] kita [rakyat Malaysia] tak boleh keluar [PKP] nak beli apa pun tekan [beli secara atas talian]

**S : Adakah sepanjang puan menjalankan perniagaan dekat shopee tu [itu] adakah puan mendapat reaksi yang positif?**

PZ : Alhamdulillah setakat ni [ini] kita dapat reaksi yang positif dan makin hari makin ramai orang yang *order* [tempah] dekat shopee

**S : Apakah harapan puan untuk jangka masa panjang pula?**

PZ : Jangka panjang ni [ini] inshaallah kalau boleh kita [puan zarinah] nak terokai [memasuki pasaran] seluruh Malaysia maknanya semua sekali *all out*

[kesemuanya sekali] sampai ke Sabah [Malaysia] dan Sarawak [Malaysia] inshaallah.

**S : Maksudnya puan akan membuka cawangan dekat sana ke atau macam mana [bagaimana]?**

PZ : Buat masa sekarang bagi ummi [ puan zarinah] tak perlu [cawangan] lagi sebab kilang kita dapat *cope* [menampung] dengan permintaan tapi kalau dah tak dapat nak *cope* [menampung] permintaan inshaallah kita akan buka cawangan dekat mana-mana

**S : Maksudnya puan akan masuk pasaran pasaraya macam tu [itu] ke?**

PZ : Pasaraya tu [itu] sekarang memang sudah semua pasaraya semua sudah masuk kita [produk puan zarinah] Tesco Giant dengan Mydin seluruh Malaysia telah ada [sudah ada]

**S : Sudah berapa ya puan [produk] sudah masuk ke pasaraya?**

PZ: Dalam lebih kurang sepuluh hingga lima belas tahun sudah - Mydin [pasaraya] lagi lama dah dua puluh tahun.

**S : Pada masa kini ekonomi kita negara kita agak merosot akibat pandemik Covid-19 [corona virus] boleh tak puan ulaskan sedikit berkenaan dengan ini dan apa harapan puan kepada rakan-rakan sepejuangan puan?**

PZ : Masa pandemik ni [ini] ramai yang *down* [kurang semangat] yang tak boleh berniaga yang biasanya [perniagaan] yang kecil-kecil [kecil-kecil] yang tak ada kilang buat dekat dapur[berniaga dirumah] ja [sahaja] tapi ummi [puan zarinah] kata dia [peniaga-peniaga kecil] kena istiqomah dan rajin cari pasaran dan sekarang ni dia [peniaga-peniaga kecil] kena guna semua yang ada macam *Facebook* ke yang apa-apa ummi [puan zarinah] tak tahu tu [itu] (ketawa) - kena rajin kena rajin buat *advertisement* [pengiklanan] untuk barangan diorang [peniaga-peniaga kecil] inshaallah sebab orang yang tak boleh keluar ni [ini] dia [pelanggan] akan beli ja [sahaja] yang terhidang [tersedia] gambar-gambar dalam *Facebook*

**S : Sekiranya puan mempunyai modal yang banyak apakah yang puan akan lakukan untuk bantu golongan usahawa-usahawan ini agar perniagaan mereka terus maju?**

**PZ :** Kalau ini kalau kan? kalau bagi ummi [puan zarinah] kalau ummi [puan zarinah] dapat ada banyak duit ummi [puan zarinah] ummi akan gabungkan semua [kolaborasi] duduk dalam satu tempat dan kita buat macam dekat Thailand tu [itu] diorang [mereka] buat dekat - Hatyai- Thailand diorang [mereka] meniaga dekat river diorang [mereka] berniaga makanan kita pun boleh buat dekat Sungai Kelantan [Kelantan] tapi sekarang Tumpat [Kelantan] dah ada buat Pulau Suri-Kelantan - tapi kalau kita buat *one stop* [pusat sehenti] katakan pelancong datang diorang [pelancong] boleh beli semua barangan yang usahawan [produk] buat katakan kita pergi hari-hari meniaga dekat sana jadi ada bas pelancong datang dari Penang [Pulau Pinang] diorang [pelancong] dapat *one stop station* [pusat sehenti] untuk dapat *shopping* [beli-blah] nak beli dodol ke sambal daging ke sos ke keropok ke semua ada dekat situ diorang [pelancong] tak perlu pergi ni [ini] pergi Pasar Siti Khadijah [Kelantan] yang ni [ini] kena pergi Tumpat [Kelantan] yang ni [ini] kena pergi Pasir Mas [Kelantan] ni [ini] kena datang Macahang [Kelantan] *one stop* [pusat sehenti] maksudnya satu tempat semua barangan ada dekat situ barangan dari Kelantan inshaallah kalau ada duit (ketawa) - buat persatuan usahawan

**S : Seperti yang kita semua sedia tahu bahawa sekarang ini kita berada dipasca pandemik banyak perniagaan yang gulung tikar akibat pandemik ini apakah nasihat yang puan hendak berikan kepada usahawan diluar sana agar terus bangkit dari kegagalan?**

**PZ :** Ummy [puan zarinah] kata tadi kita tak boleh leka kalau kata pandemik ni [ini] katakan berniaga bahu ke apa ke diorang [penjaja-penjaja kecil] tak boleh berniaga tepi jalan sekarang tapi kalau diorang [penjaja-penjaja kecil] rajin diorang [mereka] boleh buat *pack* [bungkus] buat *delivery* [penghantaran makanan] *COD* [*cash on delivery*] boleh hantar ke pelanggan nak makan [rasa] kita punya product [produk] jangan kita salahkan tak boleh keluar berniaga apa semua sebenarnya benda tu [itu] boleh di buat lagi [diusahakan] inshaallah jangan cepat nak mengaku kalah - dia kena teruskan dan cari nak kalau dulu

pelanggan datang kepada kita tapi sekarang ni [ini] dah berubah kita kena pergi [menjual] kepada pelanggan

**S : Di fasa pandemik ini golongan usahawan adalah golongan yang paling terkesan sekiranya puan didlam golongan tersebut apakah tindakan puan?**

**PZ :** Kalau ummi [puan zarinah] - sebab kita dah ambil semua langkah-langkah tu [itu] kalau kita tidak akan duduk diam kalau pelanggan tak dapat cari [beli barangan] kita [puan zarinah] kita akan cari pelanggan itu yang telah ummi buat - Kalau kita senyap duduk dekat rumah [tiada usaha] pelanggan tak akan tahu sampai bila-bila pun dan kita kena usaha sebab sekarang ni [ini] dah ada macam-macam cara untuk kita dekat dengan pelanggan-pelanggan

**S : Contohnya usahawan banyak habis banyak modal untuk nak berniaga sekarang ni [ini] sebabkan sekarang ni [ini] kita sekarang dalam krisis ekonomi baju puan sendiri sekiranya golongan-golongan seperti ini tidak mempunyai modal untuk teruskan perniagaan bagaimana cara yang terbaik untuk memulakan perniagaan agar terus berkembang [bertahan]?**

**PZ :** Yang ini peranan kerajaan diorang [pihak] kerajaan perlu tambahkan modal atau suntikan [memberi modal] modal untuk peniaga-peniaga kecil supaya dioarang dapat [peniaga-peniaga] memulakan semula perniagaan diorang [peniaga]

**S : Daripada pendapat puan dari suntikan [modal tambahan] yang macam mana [bagaimana] yang puan maksudkan tadi tu [itu]?**

**PZ :** Biasanya suntikan [modal tambahan] dari segi modal sebab peralatan diorang [peniaga] dah ada jadi modal pusingan itu bagi dalam bentuk pinjaman ke apa ke tapi kena bagi - jangan bagi terus nanti diorang [ peniaga] habiskan juga - bagi dalam bentuk pinjaman

**S : Selalunya yang beri dalam bentuk-bentuk [organisasi yang bertanggungjawab] ni [ini] adakah macam contohnya MARA [Majlis Amanah Rakyat] ke atau ada institusi yang lain kerajaan yang lain?**

**PZ :** Semua ada tapi yang itu MARA [Majlis Amanah Rakyat].

S : Kalau macam tu [itu] dia [pihak MARA] akan buka kepada semua dan apa *procedure* [syarat] yang perlu diikuti untuk kita dapat benda [bantuan atau pinjaman] tu [itu]?

PZ : *Procedure* [syarat] pergi kalau *you* [awak] nak minta dengan MARA pergi je [sahaja] Pejabat MARA dan cakap dekat dia [pihak MARA] nak buat pinjaman dan dia bagi *procedure* [syarat] dia macam mana nak isi borang dan hantar kalau lulus akan [pihak MARA] bagi - tapi bagi ummi [puan zarinah] kalau buat masa sekarang tak payah bagi banyak kalau kita nak tolong semau orang kita *just* [cuma] bagi pinjaman untuk beberapa ribu contoh dalam RM 2,000.00 RM 3,000.00 diorang [peniaga] nak modal pusingan ja [sahaja] untuk nk buat *Food Truck* [berniaga atas lori] apa semua benda [perniagaan] tu [itu] tak perlu modal yang banyak sebab diorang [peniaga] *truck* [lori] dah ada cuma modal ja [sahaja] modal pusingan tu [itu] yang tak ada tapi jangan nak kata kena ada sepuluh ribu orang ini [setiap peniaga] bagi sikit-sikit ja [sahaja] bagi tiga ribu dua ribu untuk diorang [peniaga] buat modal asas diorang [peniaga] untuk diorang [mereka] berniaga balik

Dengan ini tamatlah sudah sesi temubual mengenai pengalaman Puan Zarinah Binti Md Zain sepanjang beliau berkecimpung dalam dunia perniagaan lebih kurang dua puluh dua tahun. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau.

**TAMAT SESI KEDUA**

### 3.0 BIBLIOGRAFI

- Abu Bakar, M. (2013). *Saidatina Khadijah sebagai model usahawan berjaya*.  
<http://repo.uum.edu.my/18552>
- Abd Ghani, N. A., Saringat, S. M., & Ahmad, R. H. (2008). Usahawan wanita: Penglibatan serta cabaran dalam dunia perniagaan. *Jurnal Akademik UiTM Johor*, 8(-), 75–93. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/45774/>
- Baharun, M. T., & Balwi, M. A. W. F. M. (2021). Potensi Dan Cabaran Perniagaan E-Dagang Pasca Covid-19: Suatu Cadangan Penyelesaian. *Online Journal of Islamic Management and Finance (OJIMF)*, 1(1), 1–12.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/OJIMF/article/view/29696>
- Manaf, A. A., Omar, N. H., & Yee, L. K. (2012). Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan. *e-BANGI*, 7(1), 34-45.
- Mohammad Alyas, Z. A., & Roslinah, M. (2021). PANDEMIK COVID-19 DAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) DI MALAYSIA.
- Nagarathanam, R., & Buang, N. A. (2015). Potensi dan peningkatan kejayaan usahawan wanita di Malaysia. *Kolokium Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan, organized by Politeknik METrO Johor Bahru*, 3.
- Nooh, M. N. (2009). Usahawan Muslim: Isu dan cabaran.
- Rawi, A. S. H. M., Omar, S. Z., & Ali, M. S. S. (2012). E-Dagang di Malaysia: Perkembangan, Perlaksanaan, dan Cabaran. *Sains Humanika*, 57(1).
- Suhaimi, M. H., & Shiratuddin, N. (2017). Media sosial memberi peranan penting sebagai platform pemasaran untuk usahawan industri kecil dan sederhana (iks). *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 2(4), 1-12.

Shamsudin, S., Zeeti, Z., Yusob, M., Nizam, M., Nizat, M., Dardak, R., Che, D., & Awang, R. (2013). *Khidmat nasihat teknikal MARDI bantu pembangunan PKS (MARDI's technical advisory services assist SME development)*. *Economic and Technology Management Review*, 8, 153–163.  
[http://etmr.mardi.gov.my/Content/ETMR%20Vol.8%20\(2013\)/13.%20Sharina.pdf](http://etmr.mardi.gov.my/Content/ETMR%20Vol.8%20(2013)/13.%20Sharina.pdf)

## 4.0 LAMPIRAN

### 4.1 LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT /RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
0:20	Pengenalan tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Puan Zarinah binti Zaid</li> <li>2. Nama gelaran beliau ialah Ummi</li> <li>3. Lahir pada</li> <li>4. Menetap di Bandar Machang, Kelantan.</li> <li>5. Nama bapa:</li> <li>6. Nama ibu :</li> <li>7. Anak pertama daripada dua belas adik beradik</li> <li>8. Nama suami : Zahari Zainal Abidin</li> <li>9. Mempunyai 6 orang cahaya mata</li> </ol>
0:59		
<b>BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL</b>		
0:11	Tahap pendidikan tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekolah Rendah Hamzah , Machang</li> <li>2. Sekolah Menengah Machang</li> <li>3. Institusi Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor</li> </ol>
0:49	Penglibatan tokoh dalam kokurikulum ketika sekolah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM)</li> </ol>
1:00	Meneruskan Pengajian di Insitituti Teknologi Mara, Shah Alam	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Diploma Tourism and Administration</li> <li>2. Memilih jurusan Touserism and Administration kerana minat melancong</li> <li>3. Mempunyai 6 semester</li> <li>4. Suasana pemebelajaran ketika itu</li> </ol>
1:4:00	Menceritakan pengalaman ketika di kolej	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketika bulan puasa</li> <li>2. Bertugas di kantin pada hari Jumaat</li> </ol>



7: 31	Penglibatan tokoh dalam persatuan dan program ketika di ITM	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengikuti program bagi memberi motivasi kepada pelajar di semua fakulti.</li> <li>2. Berniaga ketika hari graduasi</li> </ol>
1:14 7:54	Jawatan yang disandang oleh tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Presiden kelas</li> </ol>

### BAHAGIAN C :KERJAYA AWAL

8:08	Pengalaman kerja tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bekerja di syarikat pelancongan Safari Travel Tour and Packaging</li> <li>2. Berkhidmat selama setahun</li> <li>3. Jawatan sebagai Penolong Tour</li> <li>4. Alamat : Wisma MPI Jalan Raja Sulam Kuala Lumpur</li> </ol>
0.19	Cabaran ketika bekerja	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melayan karenah pelanggan</li> </ol>

### BAHAGIAN D : KERJAYA

2.58	Inspirasi untuk memulakan perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendapat inspirasi daripada ibu beliau</li> <li>2. Berniaga keropok</li> <li>3. ikan masin</li> <li>4. Sos pencicah</li> </ol>
4.21	Tahun mulakan perniagaan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tahun 1995</li> </ol>
4.49	Jenis perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Katering</li> <li>2. Berniaga kuih raya</li> <li>3. Jahit cadar</li> </ol>
5.26	Keutungan perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Makanan 50%</li> </ol>
6.02	Tahun memulakan perniagaan sebelum menjalankan perniagaan sos pencicah.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tahun 1990</li> </ol>
6.25	Perniagaan semasa	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Katering</li> <li>2. Sos pencicah</li> </ol>
7.02	Modal perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Modal sendiri</li> </ol>

		2. RM10,000.00-RM15,000.00
7.39	Lokasi perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rumah</li> <li>2. Kilang</li> <li>3. Tiada cawangan</li> <li>4. Lantik ejen</li> </ol>
8.14	Pasaran produk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lembah Klang</li> <li>2. Seremban</li> <li>3. Melaka</li> <li>4. Mydin</li> <li>5. Tesco</li> <li>6. Giant</li> <li>7. Matahari</li> </ol>
8.45	Tahun untuk memasarkan produk di pasaraya	1. 10 48tahun
8.59	Jenis perniagaan	1. Perniagaan sendiri
9.26	Cadangan cawangan	1. Tiada
9.54	Permintaan produk	1. Seperti biasa
0.06	Bilangan pekerja	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. 15 orang</li> <li>2. Pekerja herbangsa melayu</li> <li>3. Orang sekitar kilang</li> <li>4. 3 orang pekerja OKU</li> <li>5. Orang negeri Kelantan</li> </ol>
2.00	Kesukaran dalam perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Covid-19</li> <li>2. Perniagaan merosot sejak PKP</li> <li>3. Penipuan - pemandu lori</li> <li>4. Menggunakan sistem rekod - Bukti</li> </ol>
5.27	Jenis-jenis produk keluaran	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pencicah cili kering</li> <li>2. Penicicah cili segar</li> <li>3. Sos thai</li> <li>4. Perencah ikan bakar</li> <li>5. Tandori</li> <li>6. Kicap</li> <li>7. Cuka</li> </ol>

5.59	Perniagaan catering	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permintaan pelanggan</li> <li>2. Guna produk sendiri</li> <li>3. Set makanan thai - permintaan pelanggan</li> <li>4. Kenduri</li> <li>5. Hi-tea</li> </ol>
7.13	Keuntungan perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sos pencicah - 30%</li> <li>2. Catering - 50%</li> </ol>
7.42	Kelengkapan perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Boiler - RM40,000.00</li> <li>2. 700-800 botol sekali masak</li> <li>3. Periuk RM70,000.00</li> <li>4. Penggiling - RM8,000.00</li> <li>5. Auto Filling - RM250,000.00</li> <li>6. Mesin dari SIRIM bayar separuh harga</li> <li>7. Mesin air (air tapis) RM170,000.00</li> <li>8. Mesin pengupas bawang putih rekaan dari UniMAP -RM15,000.00</li> <li>9. 4000 botol satu hari</li> </ol>
.02.54	Bahan-bahan untuk menghasilkan produk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Staff perlu hafal bahan-bahan tersebut</li> <li>2. Cili merebus, mengisar dan gula</li> <li>3. Dua orang tukang masak</li> </ol>
.03.59	Harga produk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sos pencicah RM2.50 sebotol sebanyak 340 ml</li> <li>2. Kicap RM3.00 sebotol sebanyak 340 ml</li> <li>3. Perencah Rm5.00</li> </ol>
.04.53	Resepi produk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Resepi daripada MARDI olah dari segi rasa</li> <li>2. Resepi dari MARDI percuma</li> <li>3. Pejabat pertanian buat kelas memasak</li> <li>4. Persendirian dikenakan bayaran</li> <li>5. Kelas yang dianjurkan mengikut jadual yang telah ditetapkan</li> <li>6. RISDA</li> </ol>
.7.00	Bahan mentah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Cili dari Kuala Lumpur</li> </ol>

		<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Bahan-bahan dari pelbagai pembekal</li> <li>3. Pembekal dari Kuala Lumpur, Pulau pinang dan Johor</li> </ol>
.9.13	Kualiti produk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Timbangan yang betul</li> <li>2. Bahan-bahan yang segar</li> <li>3. Standard resepi</li> </ol>
.10.05	Kesilapan dalam menghasilkan produk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ambil semula produk tersebut</li> </ol>
.10.59	Operasi penghasilan produk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dua orang tukang masak</li> <li>2. Seorang masak dan seorang lagi menyediakan kelengkapan masakan.</li> </ol>
.11.34	Masalah pembukusan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Botol kitar semula banyak masalah seperti pecah.</li> <li>2. Pulang semula sekiranya terdapat botol yang rosak</li> <li>3. Botol kitar semula beli daripada penduduk kampung</li> </ol>
.12.34	Keunikan produk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Orang pertama yang mengeluarkan sos pencicah</li> <li>2. Maklumbalas dari pelanggan</li> <li>3. Berpandukan graf pengeluaran</li> </ol>
.14.58	Jenis produk yang mendapat sambutan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sos pencicah cili kering</li> <li>2. Sos pencicah cili segar</li> <li>3. Kicap</li> </ol>
.15.36	Platform perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Shopee</li> <li>2. Anak beliau yang mengendalikan Shopee</li> <li>3. Maklumbalas yang positif</li> <li>4. Pembukusan diuruskan oleh anak beliau</li> <li>5. Pengeposan menggunakan J&amp;T</li> </ol>
.17.46	Negeri yang mempunyai banyak permintaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Johor, Mersing mempunyai permintaan dalam 25%-30%</li> <li>2. Lembah Klang</li> </ol>
.18.33	Perniagaan di Shopee	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keuntungan 30%-35%</li> </ol>

		2. 1500 orang menonton video pengiklanan di Shopee
.19.29	Isu-isu semasa berkaitan perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PKP pertama produk mendapat sambutan</li> <li>2. PKP ketiga perniagaan agak merosot</li> <li>3. Perniagaan agak merosot sejak PKP dijalankan</li> <li>4. Perkerja tidak dikenakan had sewaktu operasi</li> <li>5. Bayaran gaji mengikut hari bekerja</li> <li>6. Perniagaan mengikut SOP</li> <li>7. Perlu menyediakan surat polis dan MITI</li> </ol>
.24.50	Idola dalam bidang perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Maggie</li> <li>2. Cara untuk menarik pelanggan orang islam</li> </ol>
.25.26	Anugerah yang diterima	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerima anugerah pada tahun 2007</li> <li>2. Usahawan Jaya Usahawan Tani</li> <li>3. Tokoh sayyidatina khadijah khuwailid 2019</li> <li>4. Hari peladang</li> <li>5. Hari Petani</li> <li>6. Penilaian dibuat berdasarkan produk,usahawan jumlah perniagaan,tempat kerja dan pekerja.</li> <li>7. Menerima anugerah daripada Tok Guru Nik Aziz dan Pemangku Sultan Kelantan</li> </ol>
.28.22	Penguat semangat dalam perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sokongan daripada keluarga,ibubapa,anak-anak</li> <li>2. Anak-anak beliau yang banyak membantu</li> </ol>
.29.11	Tips-tips dan kata semangat untuk para usahawan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jangan menilai diri sendiri</li> <li>2. Cari identiti sendiri</li> <li>3. Jangan meniru produk orang lain</li> <li>4. Hasilkan produk lain daripada yang lain</li> </ol>

		<p>5. Perniagaan mesti mempunyai matlamat</p> <p>6. Bermula dengan 4 botol sekarang sudah 4000 botol satu hari</p> <p>7. Jaga kualiti</p>
<b>BAHAGIAN :SUMBANGAN</b>		
.33.43	Sumbangan dalam bidang akademik atau kokurikulum	1. Program kaunseling
.34.40	Sumbangan dalam perniagaan	<p>1. Beri peluang pekerjaan</p> <p>2. Beri sumbangan dalam bentuk duit dan barangan keperluan</p> <p>3. Beri sumbangan kepada golongan asnaf dan masjid</p> <p>4. Beri barangan seperti kicap dan sos</p>
.36.48	Sumbangan dalam perniagaan kepada masyarakat	<p>1. Memberi ceramah tentang perniagaan</p> <p>2. Hari Peladang</p> <p>3. Mendapat jemputan luar dan dalam Kelantan</p> <p>4.</p>
.37.41	Kenapa beliau gemar memberi sumbangan	1. Minat dan ingin berkongsi pengalaman
.38.01	Sumbangan paling bermakna	<p>1. Membantu keluarga yang miskin</p> <p>2. Memberi wang, barangan dan pakaian</p> <p>3. Memberi sumbangan ketika hari raya</p>
.39.51	Sumbangan dalam perniagaan di peringkat antarabangsa	<p>1. Memberi peluang pekerja kepada masyarakat Aceh</p> <p>2. Membuka kilang kecil</p>
.40.28	Pengalaman di Aceh	<p>1. Belajar tentang budaya di Aceh</p> <p>2. Masyarakat Aceh makan rojak buah pada waktu petang</p>
.41.35	Pembukaan kilang	<p>1. Kilang tersebut tidak lagi beroperasi</p> <p>2. Pembukaan kilang di Aceh secara persendirian</p>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>3. Berbeza undang dari segi bahan awet.</li> <li>4. Sukar mendapat barangan keperluan</li> <li>5. Pekerja terdiri daripada warga tempatan.</li> </ul>
43.06	Perasaan terhadap sumbangan tersebut	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Gembira</li> <li>2. Sukar bekerjasama dengan masyarakat di sana</li> </ul>
44.18	Harapan terhadap sumbangan tersebut	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Tidak mempunyai sebarang pengharapan</li> </ul>
44.22	Penghargaan paling bermakna	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Menerima anugerah usahawan terbaik Kelantan</li> <li>2. Anugerah Usahawan Jaya</li> </ul>
<b>BAHAGIAN F :HARAPAN</b>		
45.59	Harapan beliau kepada masyarakat dalam bidang perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Mendapat solusi supaya perniagaan kembali sedia kala</li> </ul>
47.00	Nasihat yang diberi kepada usahawan muda	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Kenal pasti produk untuk dijual</li> <li>2. Perlu mempunyai ilmu dan matlamat dalam perniagaan.</li> </ul>
48.44	Peluang untuk menarik golongan muda dalam menceburi bidang perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Bertanyakan kepada orang yang lebih berpengalaman.</li> </ul>
